

قیته قیته

PETIKAN TITAH

"BETA melihat, kita cukup memiliki kemudahan dan keupayaan untuk menyubur dan mengukuhkan akidah. Kita mempunyai agensi-agensi, skim-skim dan program-program dengan segala infrastrukturnya. Semua ini boleh berperanan selaku mekanisme untuk mewujudkan generasi berakidah, generasi yang sempurna iman yang akan membawa kita dapat menikmati keselamatan yang berpanjangan."

- Titah Sempena Majlis Ilmu Sempena Hari Keputeran Baginda Ke-61 Tahun pada 9 Rajab 1428 Hijrah / 24 Julai 2007 Masihi.



# Hujung Minggu

# Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

Waktu Sembahyang

IMSAK SUBUH SYURUK DUHA ZUHUR ASAR MAGHRIB ISYAK

4.40

4.50

6.09

6.32

12.19

3.35

6.26

7.38

Daerah Belait ditambah 3 Minit  
dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 63 / BILANGAN 51

28 APRIL 2018 / 1439 شعبان 12

JABATAN PENERANGAN

EDISI SABTU / PERCUMA

## Kebawah DYMM berangkat hadiri Majlis Santap Malam



Siaran Akbar : Jabatan Perdana Menteri  
Foto : ASEAN2018 Organising Committee

**SINGAPURA**, Jumaat, 27 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Majlis Santap Malam (Working Dinner) yang dihoskan oleh Tuan Yang Terutama Lee Hsien Loong, Perdana Menteri Republik Singapura dan Pengerusi ASEAN bagi meraikan Ketua-ketua Negara dan Kerajaan ASEAN yang menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN Ke-32.

Ke muka 5

KEBERANGKATAN tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Istana dijunjung oleh Perdana Menteri Republik Singapura dan Pengerusi ASEAN, Tuan Yang Terutama Lee Hsien Loong.



## ASEAN terus menjadi rantau aman, makmur

Siaran Akbar : Jabatan Perdana Menteri  
Foto : ASEAN2018 Organising Committee

**SINGAPURA**, Jumaat, 27 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah melahirkan keyakinan bahawa, negara-negara anggota ASEAN akan terus menjadi rantau yang aman damai dan makmur di bawah kepimpinan Singapura sebagai Pengerusi ASEAN pada tahun ini, seperti yang telah dibuat oleh negara-negara ASEAN dalam tempoh 50 tahun ini.

IKUTI KAMI DI



APLIKASI MUDAH ALIH  
**InfoDeptBN**



E-mel: pelita.brunei@information.gov.bn

Hotline : 2382891 / 2383400 Smb. : 217 Faksimile : 2381004

Layari Laman Web : [www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn)

bertitah menyeru kepada negara-negara anggota ASEAN untuk terus mengukuhkan kerjasama masing-masing, yang mana ASEAN perlu mengenal pasti cara-cara yang dapat membawa faedah kepada rakyat masing-masing dan lebih bererti kepada Komuniti ASEAN.

Kebawah DYMM bertitah demikian ketika berkenan berangkat ke Sesi Plenari Sidang Kemuncak ASEAN Ke-32 yang berlangsung di Istana, Dewan Banket. Kebawah DYMM dalam titah kemudiannya menekankan dua perkara utama semasa perbincangan pada malam ini. Kebawah DYMM mula-mula

menambah, perkara ini akan

dapat menyumbangkan pada

matlamat utama negara-negara

anggota ASEAN dalam

memperkuatkan perdagangan

intra-ASEAN menjelang

tahun 2025.

Ke muka 3

Meruayah anak bulan  
Ramadan 15 Mei depan

Siaran Akbar :  
Mahkamah-Mahkamah Syariah

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 25 April. - Mahkamah-Mahkamah Syariah, Negara Brunei Darussalam dengan ini mengumumkan bahawa pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, maka Yang Berhormat Yang Di-Pertua Majlis Ugama Islam dengan ini memaklumkan bahawa ketetapan 1 hari bulan Syaaban 1439 Hijrah adalah jatuh pada hari Selasa, 17 April 2018.

Berikut dengan itu, Nisfu Syaaban bagi Tahun 1439 Hijrah jatuh pada petang Isnin malam Selasa, 30 April 2018 Masihi.

Sehubungan itu juga, ketetapan bagi meruayah anak bulan Ramadan 1439 Hijrah akan dilakukan pada petang Selasa, 29 Syaaban 1439 Hijrah bersamaan 15 Mei 2018 Masihi di tempat-tempat berikut : Menara DST, Bangunan DST Headquarters, Lebuhraya Tungku; Bukit Agok, Jerudong, Daerah Brunei Muara; Tanjung Batu, Pekan Muara, Daerah Brunei Muara; Bukit Amboq, Daerah Tutong dan Bukit Lumut, Daerah Belait.

# Tunaikan amanah raja dengan sebaiknya

Bismillaahir Rahmaanir Raheem  
Assalamu 'Alaikum Warahmatullaahi  
Wabarakatuh

**A**LHAMDULILLAH Rabbil 'Aalamiin, segala puji-pujian ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang dan selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, kaum kerabat dan sahabat-sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Saya amat bersyukur kerana pada hari ini, Allah Subhanahu Wata'ala telah mengizinkan kita berkumpul sekali lagi di Majlis Pelancaran Pengagihan Kurma Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena bulan Ramadan pada tahun ini.

Ini bermakna sekali lagi kita akan berpeluang mencurahkan khidmat bakti dalam merealisasikan hasrat murni Paduka Ayahanda untuk melihat umat Islam di negara ini tidak mengira bangsa dan kaum berbuka puasa dengan juadah kurma kurnia peribadi baginda di sepanjang bulan Ramadan yang mubarak.

Walaupun pengagihan kurma kurnia peribadi ini telah dilaksanakan sejak sekarang lama dan boleh dianggap rutin akan tetapi memandangkan asasnya adalah bertujuan untuk menunaikan hasrat murni Paduka Ayahanda, maka ianya hendaklah dilaksanakan dengan sempurna bagi memastikan tidak ada umat Islam di negara ini yang tertinggal dari menerima kurma kurnia peribadi berkenaan.

Justeru itu, bulan Ramadan yang akan menjelang tidak lama lagi ini adalah merupakan kesempatan yang terbaik dalam meninjau semula sejauh mana kita telah dapat melaksanakan amanah pengagihan kurma kurnia peribadi dengan sebaik-baiknya.

Ini kerana selain melaksanakan ibadah puasa dan memakmurkan masjid di malam hari dengan menunaikan Sembahyang Sunat Tarawih, memperbanyak membaca Al-Quran dan menghidupkan malam-malamnya dengan Qiyamullail, kita juga dituntut untuk mengisi bulan Ramadan itu dengan pelbagai amalan yang berkebajikan.

Amalan yang berkebajikan yang dimaksudkan di sini ialah menunaikan amanah raja yang sama-sama kita kasih dengan sebaik-baiknya melalui pengagihan kurma kurnia peribadi baginda. Oleh itu, saya percaya pihak-



**SABDA Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah, Pengerusi Jemaah Tadbir Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah pada Majlis Pelancaran Pengagihan Buah Kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersempena dengan Bulan Ramadan 1439H / 2018M, pada Isnin, 7 Syaaban 1439, 23 April 2018, bertempat di Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam, Negara Brunei Darussalam**

pihak yang dipertanggungjawabkan dalam menanai tugas ini akan dapat memikulnya dengan Sebaik-baiknya lagi penuh tanggungjawab.

Sebuah ini tidak akan dapat dicapai tanpa adanya komitmen dan dedikasi semua pihak yang terlibat baik di peringkat Pegawai-Pegawai Daerah, Penghulu-Penghulu Mukim dan Ketua-Ketua Kampung termasuk segenap lapisan masyarakat dalam sama-sama berganding bahu ke arah melaksanakannya dengan sempurna dan teratur.

Walaupun pelbagai cara telah diambil oleh pihak Yayasan dalam memperbaiki kaedah pengagihan kurma kurnia peribadi berkenaan, masih juga kedegaran sepertimana tahun-tahun sebelumnya ada pihak yang tidak menerima kurma kurnia peribadi tersebut. Perkara ini sepatutnya tidak terjadi kerana jumlah kurma yang didatangkan adalah berdasarkan statistik yang diberikan sendiri oleh Penghulu Mukim dan Ketua Kampung melalui

Jabatan-jabatan Daerah yang mana melebihi jumlah rakyat dan penduduk negara ini.

Oleh itu, saya berseru supaya semua pihak yang diamanahkan untuk mengagihkan kurma kurnia peribadi berkenaan sama ada di peringkat jabatan mahupun pemimpin-pemimpin akar umbi khususnya sebagai *front line agent* dalam pengagihan kurma kurnia peribadi ini akan sentiasa dapat memainkan peranan dan tugas masing-masing dengan lebih berkesan dan penuh dedikasi seperti mana yang dihasratkan.

Sama-sama kita berusaha agar tidak lagi ada sungutan dan aduan di kalangan orang Islam di negara ini yang menyatakan mereka masih dan tidak menerima sebarang kurma kurnia peribadi Paduka Ayahanda.

Dalam pada itu, saya juga menyeru supaya pihak pengurusan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah untuk melihat akan kemungkinan mengambil inisiatif bagi memastikan sebarang sungutan dan aduan yang bersangkutan paut dengan pengagihan kurma kurnia peribadi dapat ditangani dengan berkesan. Pihak Yayasan bolehlah meneroka keperluan mengadakan talian *hotline* untuk menerima aduan-aduan dari orang ramai sebagai usaha ke arah memperbaiki dan mempertingkatkan kaedah pengagihan kurma kurnia peribadi tersebut.

Di kesempatan ini saya sukacita ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Pegawai-pegawai Daerah, Penghulu-Penghulu Mukim, Ketua-ketua Kampung, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pasukan Polis Diraja Brunei, Jabatan Radio Televisyen Brunei, Jabatan Penerangan, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Pihak Berkusa Maritim dan Pelabuhan, agensi-agensi kerajaan yang berkenaan dan semua yang terlibat dalam mengurus dan mengendalikan amanah dan tanggungjawab yang berkebajikan ini dengan jayanya.

Mudah-mudahan usaha dan kerjasama murni yang disumbangkan oleh semua pihak akan mendapat ganjaran yang setimpal daripada Allah Subhanahu Wata'ala jua.

Akhirnya, marilah kita sama-sama berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, semoga Paduka Ayahanda akan sentiasa diberikan kesihatan yang berpanjangan, dimurahkan rezeki dan berada di bawah perlindungan dan pemeliharaan Allah Subhanahu Wata'ala serta mendapat kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Amin.

Sekian, Wabillahit Taufeq Wal-Hidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Dari Sidang Pengarang.

28 APRIL 2018 BERSAMAAN 1439 شعبان 12

## KELUARGA BAHAGIA TONGGAK KE ARAH NEGARA GEMILANG

**K**ELUARGA adalah asas ke arah pembentukan masyarakat yang bahagia dan sejahtera. Pembinaan keluarga bahagia mestilah menerapkan cara hidup yang positif berlandaskan ilmu dan nilai-nilai yang baik. Pembentukan keluarga bahagia mestilah berlandaskan ajaran Islam untuk melahirkan sebuah keluarga yang sejahtera dan mampu membawa kepada sebuah keluarga yang gemilang.

Setiap tahun negara kita meraikan Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan (HKK) dan pada tahun ini membawa tema 'Keluargaku Penyayang Negara Gemilang'. HKK telah diisytiharkan pada tahun 2012. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Majlis Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Majlis Mesyuarat Negara pada tahun 2012 antara lain bertitah menekankan agar kita tidak wajar terlepas pandang dengan melupakan peranan institusi keluarga melalui keluarga yang bahagia lagi sempurna. Jelas baginda lagi, adalah tidak diragukan lagi (institusi keluarga) adalah mampu untuk mengatasi pelbagai bagi isu sosial dengan lebih berkesan.

Untuk mewujudkan keluargaku penyayang, negara gemilang sudah semestinya menuntut kita untuk membentuk sebuah keluarga *sakinah mawaddah warahmah* dan bukannya semata-mata menjurus kepada satu kehidupan yang terlalu mengutamakan harta benda, kerja dan keseronokan hawa nafsu kerana ini cuma akan menjadi penyumbang kepada masalah dalam keluarga.

Institusi keluarga memainkan peranan yang penting dalam pembentukan sebuah masyarakat dan negara yang berintegrasi tinggi dan ia diibaratkan tiang yang menjadi asas sebuah rumah untuk berdiri megah. Oleh itu, terpimpinnya sebuah keluarga akan mampu melahirkan sebuah masyarakat yang sejahtera dan cemerlang manakala rapuhnya sebuah keluarga akhirnya akan meruntuhkan masyarakat dan negara. Dengan terbentuknya sebuah keluarga yang bahagia dapat menyumbang kepada pembangunan sesebuah negara.

Keluarga perlulah memberi didikan awal terhadap anak-anak tentang agama dan akhlak peribadi bermula sebelum mereka menjalankan kaki ke alam persekolahan lagi. Perkara ini amat penting sebagai azimat dan utap mereka meniti usia remaja dan seterusnya meningkat dewasa kelak. Remaja merupakan komponen yang amat penting kepada aspek pembangunan negara di mana kecemerlangan mereka dalam setiap aspek amatlah diperlukan apatah lagi ke arah mendepani Wawasan 2035 kelak. Jika tidak dipratikkan sedari awal oleh ibu bapa maka akan berlakuh kerosakan akhlak remaja dan ini bermakna akan rosak juga nilai luhur mereka sebagai pemangkin ke arah kegemilangan negara.

Selain memberikan didikan awal bagi memastikan kerohanian remaja terpelihara, ibu bapa juga perlu meluangkan masa yang berkualiti bersama anak-anak walau sesibuk manapun kita dengan pekerjaan di pejabat dan urusan-urusan lain kerana apabila anak-anak diberikan sepenuh kasih sayang, pemedulian serta perhatian yang sewajarnya, setentu akan menyumbang kepada keajaian mereka dalam pembelajaran dan kehidupan di dunia dan di akhirat. - Ketua Penyuntingan (Nh).

### RAMALAN CUACA 3 HARI

SABTU	AHAD	ISNIN
<b>BANDAR SERI BEGAWAN</b>		
32 °C	32 °C	32 °C
25 °C	25 °C	25 °C
PEKAN BANGAR		
31 °C	32 °C	32 °C
25 °C	25 °C	25 °C
PEKAN TUTONG		
32 °C	32 °C	32 °C
25 °C	25 °C	25 °C
KUALA BELAIT		
32 °C	32 °C	32 °C
25 °C	25 °C	25 °C

WAKTU SEMBAHYANG									
firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud: ...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasy' dan mungkar."									
Masihi APRIL	HARI	Hijrah SYAABAN	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB ISYAK
28	SABTU	12	4.40	4.50	6.09	6.32	12.19	3.35	6.26 7.38
29	AHAD	13	4.39	4.49	6.09	6.32	12.19	3.35	6.26 7.38
30	ISNIN	14	4.39	4.49	6.09	6.32	12.19	3.35	6.26 7.38
1 MEI	SELASA	15	4.39	4.49	6.09	6.32	12.18	3.35	6.26 7.38
2	RABU	16	4.38	4.48	6.08	6.31	12.18	3.36	6.26 7.38
3	KHAMIS	17	4.38	4.48	6.08	6.31	12.18	3.36	6.26 7.38
4	JUMAAT	18	4.37	4.47	6.08	6.31	12.18	3.36	6.26 7.38

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

**TALIAN KECEMASAN**

AMBULANS 991 | POLIS 993 | BOMBA 995 | PENYELAMAT 998

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK  
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT.  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam

123

NDMC  
2380214



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan berangkat ke Sesi Plenari Sidang Kemuncak ASEAN Ke-32 yang berlangsung di Istana, Dewan Bankuet (kanan). Sementara gambar kiri, suasana Sesi Plenari Sidang Kemuncak ASEAN Ke-32 yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lee Hsien Loong.**



#### Dari muka 1

Kebawah DYMM kemudian melahirkan penghargaan terhadap pencapaian negara-negara anggota ASEAN setakat ini

dalam meningkatkan usaha agar rantau ini lebih berdaya saing.

Negara-negara anggota ASEAN dapat meningkatkan lagi pencapaian mereka dengan memajukan modal insan, agar dapat menjadi lebih berpendidikan, berkemahiran tinggi dan inovatif.

Kebawah DYMM seterusnya bertitah, usaha-usaha sedemikian dapat memastikan kesediaan rakyat masing-masing dalam menyesuaikan diri pada kemajuan teknologi.

Kebawah DYMM kemudian menekankan

keperluan bagi negara-negara anggota ASEAN untuk lebih bersedia dalam menyediakan peluang-peluang dan cabaran-cabaran yang akan memberi kesan kepada kesemua tumpukan Komuniti ASEAN. Peluang-peluang tersebut termasuk perkhidmatan-perkhidmatan kesihatan yang lebih baik, penambahbaikan terhadap keupayaan penguatkuasaan undang-undang, akses yang lebih meluas terhadap maklumat dan kemajuan Bandar-bandar di masa akan datang.

Kebawah DYMM juga menyentuh mengenai potensi penggunaan teknologi dalam menjelaskan keselamatan, penyalahgunaan data peribadi, malah berita-berita palsu yang merupakan antara cabaran-cabaran yang bakal dihadapi.

Kebawah DYMM menyatakan bahawa, perkembangan sedemikian memerlukan respon yang selaras dan kukuh, dan seterusnya menyeru Sekretariat ASEAN untuk mengkaji dan menyediakan cadangan-cadangan mengenai implikasi Revolusi Perindustrian

Keempat (the Fourth Industrial Revolution) ke atas semua tunggak kerjasama ASEAN.

Dalam mengakhiri titah, Kebawah DYMM mengalaukan hasil-hasil positif dari Sidang Kemuncak Inter-Korea, termasuk pengisytiharan bagi menamatkan perperangan di Semenanjung Korea.

Baginda berharap agar dialog di antara pihak-pihak berkepentingan diteruskan, yang mana ia akan dapat menyumbang pada penghapusan senjata nuklear (*denuclearisation*) di Semenanjung tersebut.

## Berangkat tiba di Singapura bagi menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN Ke-32



**KEBERANGKATAN tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Kompleks VIP, Lapangan Terbang Antarabangsa Changi, Republik Singapura dijunjung oleh Menteri Negara Kanan, Kementerian Pertahanan dan Kementerian Hal Ehwal Luar, Republik Singapura, Dr. Mohamad Maliki bin Osman (kiri). Sementara gambar kanan, keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Yang Berhormat Dato Seri Paduka Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof.**

#### Siaran Akbar: Jabatan Perdana Menteri

Foto: Hernie Suliana Haji Othman, Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd Ali

**REPUBLIK SINGAPURA,** Jumaat, 27 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, hari ini berangkat tiba di Republik Singapura bagi menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN Ke-32 yang akan berlangsung pada 27 hingga 28 April 2018.

Hadir di Kompleks VIP, Lapangan Terbang Antarabangsa Changi, Republik Singapura bagi menjunjung keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Menteri Negara Kanan, Kementerian Pertahanan dan Kementerian Hal Ehwal Luar, Republik Singapura, Dr. Mohamad Maliki bin Osman.

Juga menjunjung keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia ialah Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof dan Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Haji Awang Saifulbahri bin Haji Mansor.

Kebawah DYMM seterusnya dijunjung naik kendaraan khas menuju ke sebuah hotel ternama di Republik Singapura, tempat persemayaman baginda sepanjang keberangkatan menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN Ke-32.

Sidang Kemuncak ASEAN pada tahun ini membawa tema "Resilient and Innovative" bagi mencerminkan visi negara tuan rumah dalam menggambarkan ASEAN sebagai sebuah pertubuhan yang bersatu padu dalam menghadapi



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan menerima junjung ziarah daripada warganegara Brunei Darussalam yang berada di Republik Singapura sejurus keberangkatan tiba di hotel persemayaman baginda.**

cabaran-cabaran global yang semakin meluas di rantau ASEAN.

Sidang Kemuncak ASEAN Ke-32 akan menghimpunkan Ketua-ketua Negara dan

Kerajaan ASEAN dalam sama-sama membincangkan perkara-perkara dinamik dan terkini demi kesejahteraan masyarakat sejagat.

# Berangkat hadiri Sidang Kemuncak ASEAN Ke-32



**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Republik Singapura bagi menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN Ke-32 yang akan berlangsung pada 27 hingga 28 April 2018 (kiri), sementara gambar kanan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka-paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik menadah tangan ketika Doa Selamat dibacakan di Istana Nurul Iman.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 27 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Republik Singapura bagi menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN Ke-32 yang akan berlangsung pada 27 hingga 28 April 2018.

Sebelum berangkat dari Istana Nurul Iman, Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Berangkat di Hangar Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Rimba bagi menyembahkan selamat berangkat ke hadapan majlis Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran

Muda 'Abdul Malik; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan.

Berangkat sama dan hadir di Hangar Penerbangan Kebawah DYMM bagi menyembahkan selamat berangkat ke hadapan majlis Kebawah DYMM ialah Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria; Menteri-menteri Kabinet; Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Di-Raja; Timbalan-timbalan Menteri; Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei dan Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima junjung ziarah daripada para Menteri Kabinet.



**BERANGKAT** di Hangar Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Rimba bagi menyembahkan selamat berangkat ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan.



**DOA** Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

## Kebawah DYMM berangkat hadiri Majlis Santap Malam



Dari muka 1

Majlis Santap Malam tersebut diadakan di Istana, Republik Singapura.

Sejurus keberangkatan tiba di Bilik Resepsi, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dialu-alukan oleh Tuan Yang Terutama Perdana Menteri Republik Singapura dan Pengerusi ASEAN.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia

seterusnya berangkat bersama-sama Ketua-ketua Negara dan Kerajaan ASEAN lainnya ke State Room bagi menghadiri Majlis Santap Malam (Working Dinner).

Semasa Majlis Santap Malam (Working Dinner) tersebut, Tuan Yang Terutama Lee Hsien Loong dalam ucapan pembukaannya mengalau-alukan kehadiran para Pemimpin ASEAN dan delegasi ke Republik Singapura.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia seterusnya berangkat bersama-sama para Pemimpin ASEAN yang lain bagi

**Siaran Akbar :**  
**Jabatan Perdana Menteri**

menghadiri Sesi Plenari Sidang Kemuncak ASEAN Ke-32 yang berlangsung di Dewan Bankuet.

Sesi Plenari tersebut dimulakan dengan Ucapan Pembukaan daripada Tuan Yang Terutama Lee Hsien Loong. Ini diikuti dengan kenyataan daripada Setiausaha Agung ASEAN, Tuan Yang Terutama Dato Paduka Lim Jock Hoi.

## Skuad negara tumpaskan Thailand 2 - 1



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Timbalan Sultan dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik berkenan berangkat menyaksikan perlawanan di antara skuad Negara Brunei Darussalam menentang pasukan Thailand.



AKSI para pemain pasukan Negara Brunei Darussalam semasa cuba mengawal gerakan pemain pasukan Thailand (tengah) pada perlawanan HBT 2018 tersebut (atas). Manakala gambar bawah, pemain pertahanan pasukan Tabuan Muda, Awangku Yura Yunos semasa menjaringkan gol kemenangan skuad Negara Brunei Darussalam pada masa kedudua separuh masa kedua.



**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 27 April. - Mengubat kekecewaan lalu, skuad kebangsaan negara menebus kekalahan lepas dengan bangkit beraksi pada separuh masa kedua dalam Perlawanan Piala Hassanal Bolkiah (HBT) Kejohanan Bola Sepak Bagi Belia ASEAN 2018 yang berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas apabila gawang pasukan Thailand digegarkan menerusi sepakan Naziruddin Haji Ismail pada minit ke-70.

Berangkat untuk memberikan sokongan padu bersama para penyokong pasukan kebanggaan kita, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Timbalan Sultan.


Juga berangkat, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik.

Pada perlawanan tersebut, pasukan Thailand juga tidak mensia-siakan peluang apabila

Ketua Pasukan Thailand, Paso Sittichok menjaringkan gol sulung pasukan Thailand sekaligus merapatkan jurang 1-1 pada minit ke-76.

Percaturan di hadapan penyokong sendiri dengan laungan 'Brunei Yakin' menjadi pembakar semangat apabila kemenangan mutlak tercipta apabila rembatan Awangku Yura Yunos pada minit ke-91 menembusi gawang pihak lawan pada masa tambahan.

Pasukan negara dijadualkan menentang pasukan Myanmar pada Isnin ini, 30 April 2014 bertempat di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.



SOKONGAN padu daripada penyokong skuad Tabuan Muda membawa hasil apabila pasukan negara berjaya menewaskan pasukan Thailand 2 - 1.

# Berkenan menerima mengadap Ketua Perwakilan Asing



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien berkenan menerima mengadap secara berasingan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Korea ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Choo Won Myung (kiri) dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Kesatuan Myanmar ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Cho Htun Aung (kanan).

Oleh : Haniza Abdul Latif  
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 26 April. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar

'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien berkenan menerima mengadap secara berasingan Ketua-ketua Perwakilan Asing ke Negara Brunei Darussalam yang akan menamatkan perkhidmatan.

Duli Yang Teramat Mulia mula-mula menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Kesatuan Myanmar ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Cho Htun Aung.

Tuan Yang Terutama telah menyembahkan Surat Tauliah Pelantikannya ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia pada 26 November 2014.

DYTM seterusnya berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Korea ke Negara Brunei Darussalam, TYT Choo Won Myung.

TYT telah menyembahkan Surat Tauliah Pelantikannya ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia pada 26 November 2014.

Semasa Majlis Mengadap itu,

DYTM melahirkan rasa penghargaan peribadi DYTM kepada Tuan Yang Terutama-Tuan Yang Terutama atas sumbangan mereka sepanjang perhubungan di antara kedua-dua buah negara dengan Negara Brunei Darussalam.

Majlis Mengadap berlangsung di Balai Penghadapan, Bukit Kayangan, di sini.

## Rumah Temburong johan keseluruhan Sukan Tahunan

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Masri Osman



KETUA Pegawai Eksekutif Sekolah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB), Awang Noorhaizamdin bin Haji Mohd. Mosbi (kiri) hadir selaku tetamu kehormat pada acara tersebut.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 25 April. - Pasukan Rumah Temburong muncul johan keseluruhan Sukan Tahunan Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) setelah berjaya mengumpul 23 pingat emas, 9 perak dan 8 gangsa.

Naib johan pula disandang oleh Rumah Belait dengan 12 pingat emas, 19 perak dan 14 gangsa, manakala tempat ketiga dimenangi oleh Rumah Tutong dengan meraih

10 pingat emas, 8 perak dan 11 gangsa.

Sementara itu, Rumah Tutong berjaya memenangi Pertandingan Perbarisan Lalu.

Sukan Tahunan yang berlangsung di Stadium Hassanal Bolkiah, Ibu Pejabat Polis Gadong itu disertai oleh para pelajar Sekolah Rendah Tahun 3, 4, 5 dan 6 yang mewakili rumah masing-masing yang terbahagi kepada dua kategori iaitu Kategori 'B' bagi Tahun 3 dan 4 manakala



TURUT serta mengambil bahagian dalam acara balapan ialah cucunda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah, iaitu Yang Amat Mulia Pengiran Anak Raihaanah Hanaa-ul Bolqiah binti Pengiran Anak Khairul Khalil yang mewakili Rumah Kuning (Tutong).

Kategori 'C' bagi pelajar Tahun 5 dan 6.

Rumah Biru mewakili Daerah Brunei Muara, Rumah Kuning mewakili Daerah Tutong, Rumah Merah bagi Daerah Belait sementara Rumah Ungu mewakili Daerah Temburong.

Turut serta mengambil bahagian dalam acara balapan ialah cucunda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah, iaitu Yang Amat

Mulia Pengiran Anak Raihaanah Hanaa-ul Bolqiah binti Pengiran Anak Khairul Khalil yang

mewakili Rumah Kuning (Tutong) dan telah menyertai Acara Larian 200 Meter dan 4 X 100 Meter Kategori 'B'.

YAM Pengiran Anak Raihaanah Hanaa-ul Bolqiah berjaya mendapat tempat ketiga pada acara larian 200 meter.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan

penyampaian hadiah-hadiah iaitu Ketua Pegawai Eksekutif Sekolah YSHHB, Awang Noorhaizamdin bin Haji Mohd. Mosbi.

Antara tujuan Sukan Tahunan adalah ke arah kecerdasan fizikal dan mental pelajar, selain mencungkil bakat pelajar dalam bidang sukan, mengerakkan Silaturahim antara pelajar, guru dan ibu / bapa penjaga serta meningkatkan keyakinan diri pelajar.

# Doa Kesyukuran Istiadat Bersiram selamat disempurnakan



MAJLIS Doa Selamat dan Kesyukuran bagi Istiadat Bersiram disempurnakan di hadapan Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar.

Oleh : Khartini Hamir  
Foto : Haji Ariffin Haji Md Noor / Morshidi, Azmah Haji Ahad

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 26 April. - Majlis Doa Selamat dan Kesyukuran bagi Istiadat Bersiram Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri

Pengiran Raabi'atul Adawiyyah binti Pengiran Haji Bolkiah sempena selamat meluaran Yang Amat Mulia Pengiran Anak Fathiyyah Rafaahul Bolqiah binti

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah sempena selamat meluaran Yang Amat Mulia Pengiran Anak 'Abdul Hakeem bin Pengiran Anak Haji Muhammad Ruzaini berlangsung di Surau Istana Nurul Iman.

Majlis disempurnakan di hadapan Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar.

Istiadat bermula dengan empat Awang-Awang masuk ke dalam majlis untuk meletakkan Dian Empat yang sedia terpasang di tempat yang dikhaskan.

Diikuti dengan surat Dikir, Bantal Geguling dan Parabahan



YANG Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah disembahkan dengan renjisan wangi-wangian.

dibawa masuk oleh tiga Awang-Awang dan diletakkan di tempat khas.

Majlis dimulakan dengan bacaan surah Al-Fatiyah beramai-ramai dipimpin oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang yang juga mengetuai Dikir Syarafil Anam, diikuti bacaan Rawi, Dikir Marhaban dan Doa Dikir.

Sejurus perenggan 'Ya Habibi' dibacakan, 17 das tembakan meriam dilepaskan di pekarangan Istana Nurul Iman.

Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Berangkat dan hadir ke majlis berkenaan ialah Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria, Menteri-menteri Kabinet, Ahli-ahli Majlis-Majlis Mesyuarat, Timbalan-timbalan Menteri, Pengiran-Pengiran Peranakan, Pehin-pehin Manteri, Manteri-manteri Hulubalang, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara dan Setiausaha-setiausaha Tetap serta Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap.

Sementara itu, di ruang lain Istana Nurul Iman, majlis turut dihadiri oleh para

jemputan wanita.

Yang Amat Mulia Pengiran Anak Fathiyyah Rafaahul Bolqiah merupakan puteri kedua Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Raabi'atul 'Adawiyyah binti Pengiran Haji Bolkiah yang selamat meluaran pada Sabtu, 23 Jamadilakhir 1439 bersamaan 10 Mac 2018, jam 10.48 malam.

Sementara itu, Yang Amat Mulia Pengiran Anak 'Abdul Hakeem merupakan putera ketiga kepada Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Muhammad Ruzaini bin Pengiran Dr. Haji Mohd. Yakub yang selamat meluaran pada Isnin, 3 Jamadilakhir 1439 bersamaan 19 Februari 2018, jam 8.52 pagi.



PARA yang hadir disembahkan dengan renjisan wangi-wangian.



ISTIADAT bermula dengan empat Awang-Awang masuk ke dalam majlis untuk meletakkan Dian Empat yang sedia terpasang di tempat yang dikhaskan.



MAJLIS turut dihadiri oleh para jemputan wanita di ruang lain istana.

# Dengan Islam, Brunei kekal menjadi negara MIB



**MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman semasa berucap pada Seminar Kefahaman Aqidah dan Pemikiran Semasa 2018.**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 25 April. - Pusat kajian seperti Pusat Pengkajian Kefahaman Ahli Sunnah Waljamaah di Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), layak untuk meneruskan dengan lebih giat membuat kajian-kajian ilmiah tentang kefahaman aliran Islam yang dianut di negara ini, iaitu aliran fahaman Islam Ahli Sunnah Waljamaah.

Demikian jelas Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman semasa merasmikan Seminar Kefahaman Aqidah dan Pemikiran Semasa (SEKAPES) 2018 yang berlangsung di Dewan Tarbiyah, KUPU SB.

Menurut Yang Berhormat, kajian bagi maksud untuk dimanfaatkan secara nyata dan dapat disukat kesannya ialah

mengkaji pengaruh aliran itu dalam sistem sosial politik negara ini.

Yang Berhormat menjelaskan, dengan metodologi apa pun kajian dalam penyelidikan itu, apa ia *manhaj wasfiy*, iaitu metod diskriptif atau juga kaedah *tahliliyah watarkibiyah*, iaitu kajian secara analisis dan sentesis, namun ianya hendaklah konsisten dengan tujuan untuk membangun, memperkasa dan seterusnya memelihara serta mengukuhkan kefahaman dan kedudukan Islam Ahli Sunnah Waljamaah itu di Negara Brunei Darussalam dan juga di rantau Asia Tenggara, iaitu seperti mana yang disebutkan sebagai visi, misi dan matlamat Pusat Pengkajian Kefahaman Ahli Sunnah Waljamaah di KUPU SB yang ditubuhkan dalam tahun 2011 ini.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, kita telah dan terus menerus sibuk bercakap

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim  
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

mengenai kefahaman Ahli Sunnah Waljamaah.

Skop percakapan kita katanya, termasuklah oleh kalangan ilmuwan, seolah-olah ia untuk menepis sanggahan-sanggahan fahaman Islam aliran lain yang dikatakan boleh mengancam fahaman aliran Islam yang sedia menjadi anutan berugama di Brunei turun-temurun itu.

Tambahnya, ironiknya Brunei turun-temurun itu ialah negara, bukan tanah terpencil berupa sebuah pulau tiada berpenghuni.

Brunei katanya, adalah negara dengan sistem sosial dan politiknya yang berkembang dalam dinamika sejarahnya, dan pada zaman modennya sekarang, Brunei itu kekal sebagai sebuah negara, ia

terbentuk menjadi negara bangsa yang kuat dipengaruhi oleh Islam.

Pengaruh Islam ke atasnya itu terangnya, selain yang utama ialah akidah bahkan juga syariah.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, pengaruh kuat Islam itu meliputi sistem sosial politiknya, lalu dengan Islam itu Brunei kekal dan diazamkan untuk selama-lamanya kekal sebagai Negara Melayu Islam Beraja (MIB) di kalangan negara-negara sedunia.

Tambahnya, namun percakapan-percakapan kita itu belum, atau tidak jelas memperakarkan dengan lantang bahawa sistem sosialpolitik Brunei sebagai negara adalah menurut ajaran Islam aliran Ahli Sunnah Waljamaah.

## Kemantapan akidah Islam tonggak pembangunan agama



**REKTOR Kolej Universiti Islam Perlis, Yang Berbahagia Mejor (K) Profesor Madya Dr. Mohd Mizan bin Mohd. Aslam.**



**PENGURUSI Bersama SEKAPES 2018, Profesor Madya Dr. Syamsul Bahri Andi Galigo.**



**MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman hadir merasmikan Seminar Kefahaman Aqidah dan Pemikiran Semasa (SEKAPES) 2018 yang berlangsung di Dewan Tarbiyah, KUPU SB.**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 25 April. - Negara Brunei Darussalam dengan falsafah 'Melayu Islam Beraja', telah menjadikan ugama Islam sebagai ugama rasmi negara.

Dari sudut akidah dan amalan pula mestilah berteraskan kepada kefahaman Ahli Sunnah Waljamaah, dan di bawah kepimpinan sistem beraja yang diyakini sesuai dengan kefahaman Islam Ahli Sunnah Waljamaah telah membawaikan kemakmuran dan perpaduan yang berterusan.

Pengerusi Bersama Seminar Kefahaman Aqidah dan Pemikiran Semasa (SEKAPES) 2018, Profesor Madya Dr. Syamsul Bahri Andi Galigo, menjelaskan perkara itu dalam ucapan alu-aluannya pada Majlis Perasmian SEKAPES 2018 yang berlangsung di Dewan Tarbiyah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), di sini.

Jelasnya, amalan berugama pula menjadi dominan dalam kalangan masyarakat Brunei Darussalam.

Kemantapan fahaman akidah Islam dalam kehidupan masyarakat katanya, dapat dianggap sebagai tonggak bagi

semua kegiatan yang menyentuh kepentingan dan pembangunan agama, bangsa dan negara.

Beliau seterusnya menjelaskan, akidah Ahli Sunnah Waljamaah telah menjadi asas amalan dan pegangan hidup berugama dalam kalangan masyarakat di negara ini sejak awal lagi, dan ternyata memberi impak yang positif yang berpanjangan dalam menyatupadukan ummah dan kestabilan negara.

"Sebarang cubaan yang dilihat berpotensi menggugat keharmonian berugama dan keselamatan negara, pasti akan diambil tindakan melalui peruntukan undang-undang sedia ada mahupun kawalan secara pentadbiran," ujarnya.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyempurnakan pelancaran seminar tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Seminar tersebut diteruskan dengan pembentangan Kertas Utama I 'Pendekatan Manhaj Nusantara Kerangka Ahli Sunnah

Waljamaah Dalam Menangani Gerakan Liberalis dan Pelampau Agama' yang dibentangkan oleh Rektor Kolej Universiti Islam Perlis, Yang Berbahagia Mejor (K) Profesor Madya Dr. Mohd Mizan bin Mohd. Aslam dan Pembentangan Kertas Utama II 'Beberapa Kefahaman Yang Menyalahi Prinsip Aqidah Ahli Sunnah Waljamaah' yang dibentangkan oleh Timbalan Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam, Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Japar bin Haji Mat Dain @ Maidin.

SEKAPES 2018 dianjurkan bersama Pusat Pengkajian Kefahaman Ahli Sunnah Waljamaah dan Fakulti Usuluddin, KUPU SB.

Tema dan skop SEKAPES 2018 'Aqidah Ahli Sunnah Waljamaah Asas Kesejahteraan Negara', diadakan selama dua hari bermula hari in, yang antara lain mengetengahkan sepuluh kertas kerja yang akan dibentangkan oleh para ulama dan tokoh ilmuwan yang terpilih dari dalam dan luar negara.

Seminar tersebut bertujuan

untuk merumuskan dua perkara penting dalam memelihara ketulenan akidah Ahli Sunnah Waljamaah di negara ini, iaitu

memperkasa kefahaman akidah umat Islam dan mengenal pasti isu dan cabaran pemikiran semasa.



**ANTARA yang menghadiri SEKAPES 2018.**

# Negara komited perangi keganasan dan ekstremisme

Siaran Akhbar dan Foto: Jabatan Perdana Menteri

**SOCHI, PERSEKUTUAN RUSIA.** - Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejari Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof yang juga Pengurus Jawatankuasa Keselamatan Negara, menekankan komitmen Negara Brunei Darussalam (NBD) meningkatkan usaha-usaha dalam mengekalkan keamanan, keselamatan dan kestabilan serantau dan antarabangsa dan seterusnya mengulangi usaha dan komitmen berterusan NBD dalam memerangi keganasan dan ekstremisme.

Yang Berhormat Menteri Pertahanan II menyatakan demikian semasa menyampaikan ucapan pada Mesyuarat Kesembilan Pegawai-pegawai Tertinggi yang Bertanggungjawab mengenai Hal Ehwal Keselamatan yang telah berlangsung di Sochi, Persekutuan Rusia pada 24 - 26 April 2018.

Yang Berhormat Menteri Pertahanan II seterusnya menyatakan bahawa NBD telah menggunakan kaedah *whole-of-nation approach* dan juga hubungan kerjasama erat dengan semua sektor masyarakat. Pendekatan ini seterusnya menjelaskan bahawa pada masa ini, tanggungjawab menghalang secara efektif kemasukan fahaman-fahaman radikal tidak hanya dipertanggungjawabkan sepenuhnya kepada agensi-agensi penguatkuasaan dan keselamatan sahaja.

Yang Berhormat Menteri Pertahanan II menambah bahawa penambahan secara berterusan keupayaan operasi dan pengukuhan kerjasama serantau dan antarabangsa adalah strategi dan hala tuju NBD dalam

mengekang kelibat pengganasan di arena antarabangsa.

Yang Berhormat Menteri Pertahanan II juga menjelaskan bahawa NBD bekerjasama rapat dengan negara-negara ahli ASEAN yang lain dalam usaha untuk mendukung inisiatif dan program bagi melindungi lanskap keselamatan serantau.

NBD juga katanya lagi mengiktiraf inisiatif-inisiatif negara-negara ahli ASEAN dalam menangani jenayah pengganasan dan jenayah rentas sempadan khususnya melalui Mesyuarat Menteri-Menteri ASEAN mengenai Jenayah Rentas Sempadan (AMMTC); Mesyuarat Menteri-Menteri ASEAN mengenai Pertahanan (ADMM); dan Forum Serantau

ASEAN (ARF).

Dalam hal berkaitan dan atas permintaan pihak Rusia, Yang Berhormat juga mengadakan rundingan dua hala dengan Setiausaha Majlis Keselamatan, Persekutuan Rusia, Tuan Yang Terutama Nikolay P. Patrushev yang juga Pengurus mesyuarat berkenaan.

Mesyuarat tersebut dihadiri oleh Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri dan Ketua-ketua Delegasi yang bertanggungjawab terhadap isu-isu keselamatan dari 118 buah negara termasuk Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Turut hadir ke mesyuarat tersebut ialah Duta Besar dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Persekutuan Rusia, Tuan Yang Terutama Dato Paduka Awang Haji Haini bin Haji Hashim dan juga pegawai-pegawai kanan Jabatan Perdana Menteri.



MENTERI Pertahanan II (kanan) semasa mengadakan mesyuarat dua hala bersama Setiausaha Majlis Keselamatan Persekutuan Rusia, Tuan Yang Terutama Nikolay P. Patrushev.

PEMANGKU Timbalan Pengarah Siasatan Jenayah, Penguasa Kanan Polis Haji Mohd. Fadzillah bin Haji Ismail semasa Sidang Media di Bangunan Jabatan Siasatan Jenayah (CID), Ibu Pejabat Polis, Gadong.

Berita dan Foto: Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 27 April.- Seorang anggota polis berpangkat Lans Kopral, iaitu Morni bin Yunos @ Tuah dipercayai ditikam dalam kejadian yang berlaku di kawasan salah sebuah rumah di Pandan 7, Daerah Belait tengah malam tadi.

Pemangku Timbalan Pengarah Siasatan Jenayah, Penguasa Kanan Polis Haji Mohd. Fadzillah bin Haji Ismail menyatakan perkara

itu dalam Sidang Media di Bangunan Jabatan Siasatan Jenayah (CID), Ibu Pejabat Polis, Gadong hari ini.

Penguasa Kanan Polis Haji Mohd. Fadzillah menjelaskan dari siasatan Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB), insiden tersebut berlaku sekitar jam antara 12.30 - 1.00 pagi dan mangsa dipercayai bertengkar dengan suspek, iaitu Roslani Anak Jarum, 31 tahun

hingga menikam dada kiri mangsa dengan sebilah pisau.

Tambahnya, mangsa kemudian dijumpai terlantar di tempat kejadian oleh isteri mangsa lalu segera dikejarkan ke Hospital Suri Seri Begawan, Daerah Belait.

Walau bagaimanapun, doktor di Unit Kecemasan hospital mengesahkan mangsa telah meninggal dunia.

Suspek, Roslani Anak Jarum yang merupakan seorang duda dan tidak mempunyai sebarang pekerjaan itu lari sejurus kejadian dan hasil kecekapan pihak PDB yang menjalankan operasi pencarian akhirnya berjaya mengesan dan menangkap suspek di kawasan Sungai Liang sekitar jam 1.21 petang pada hari yang sama.

Bedah siasat ke atas mayat mangsa akan dijalankan pada hari berikutnya.

"Proses siasatan masih lagi diteruskan yang mana pihak polis mengklasifikasikan kes itu sebagai kes bunuh di bawah Bab 302 Kanun Keseksian Jenayah Penggal 22," ujarnya.

PDB seterusnya berharap dan menyeru orang ramai untuk menghentikan apa jua penularan maklumat yang tidak sah atau andaian cerita mengenai kejadian tersebut.



MENTERI Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejari Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof (tengah) yang juga Pengurus Jawatankuasa Keselamatan Negara semasa berucap pada Mesyuarat Kesembilan Pegawai-pegawai Tertinggi yang Bertanggungjawab mengenai Hal Ehwal Keselamatan.

## Seorang warga asing bunuh diri

Siaran Akhbar : Pasukan Polis Diraja Brunei

**MUARA**, Jumaat, 27 April. - Seorang warganegara China, Zhu Qinggao, 29 tahun didapati menggantung diri di dalam bilik tidurnya, di mana beliau baru sahaja melapor bertugas di Pulau Muara Besar sebulan lepas dan punca kejadian masih dalam siasatan.

Hadir di tempat kejadian, Pegawai Menguasa Balai, Penolong Penguasa Polis, Zamri Salleh bin Haji Mahmud bersama lima penolong penyiasat bergegas ke tempat kejadian bagi menjalankan siasatan.

Balai Polis Muara menerima laporan daripada orang awam pada jam 12.50 tengah hari berhubung kes tersebut.

Pasukan Polis Diraja Brunei ingin mengingatkan kepada masyarakat awam juga pekerja-pekerja asing yang bekerja di negara ini bahawa cuba untuk membunuh diri adalah menjadi satu kesalahan jenayah di bawah seksyen 309 Kanun Hukuman Jenayah Penggal 22, yang mana membawa hukuman penjara selama satu tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.

Pihak Polis juga menasihati orang ramai, adalah menjadi tanggungjawab bersama untuk mendidik masyarakat awam supaya mencari penyelesaian terbaik dengan mendapatkan khidmat kaunseling atau mana-mana pihak tertentu dari mengambil tindakan terburu-buru seperti membunuh diri.



# Pengantarabangsaan bahasa Melayu berkait rapat dengan aktiviti pelancongan

Oleh : Haniza Abdul Latif  
Foto : Haji Ariffin Mohamad Noor / Morshidi

**JERUDONG**, Rabu, 25 April. - Profil pengantarabangsaan bahasa Melayu bagi sebuah negara bergantung dan berkait rapat dengan profil taburan aktiviti pelancongan yang ditawarkan oleh sebuah negara, seperti aktiviti harian, rutin perniagaan, sosiobudaya dan sosioekonomi masyarakat setempat.

Menurut Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, semua unsur itu merupakan antara produk pelancongan yang menjadi elemen utama kepada wahana penjenamaan dan promosi imej bahasa Melayu.

Dalam ucaptama pada Majlis Perasmian Seminar Kebahasaan sempena Sidang Eksekutif Ke-57 Majlis Bahasa Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia (MABBIM) yang berlangsung di Parkview Hotel, Yang Berhormat seterusnya berkata, Negara Brunei

Darussalam sendiri mempunyai kegiatan mengkaji burung, pelancongan Islam, pelancongan perubatan tradisional, kapal persiaran, sukan, Pelancongan Pendidikan, Persidangan dan Pameran (MICE), pengembaran, menyelam, inap desa, pelancongan berdasarkan masyarakat, pesta kikik, pesta buah-buahan dan sebagainya, yang sama ada secara disedari maupun tidak, telah memperkenalkan kegiatan dan produk tempatan kepada orang awam atau pelancong.

Yang Berhormat menambah, secara tersirat berlakulah proses pembelajaran melalui pendekatan menghayati dan mempelajari bahasa, yang dituturkan sebagai lintas budaya yang mendukung usaha pengantarabangsaan bahasa Melayu.

Kedatangan pelancong asing ke negara-negara Melayu ini juga katanya, berpotensi mengalami cabaran besar yang menuntut langkah-langkah pengawalan dan pelan strategik yang kukuh dan mantap terutama dari segi

kealpaan masyarakat, khususnya generasi muda terhadap kebudayaan tempatan, amalan berpakaian, tata susila, dan lain-lain yang mungkin tidak bercirikan Melayu yang turut berperanan besar terhadap pengaruh pengantarabangsaan bahasa Melayu.

Selain itu tambahnya, penjenamaan produk-produk tempatan juga perlu diperbaiki dengan memastikan keselarasan penggunaan bahasa Melayu yang betul dan tepat dan tidak menimbulkan kekeliruan dan cacamarba dalam penulisan.

Menurut Yang Berhormat, lazimnya, titik tumpuan destinasi pelancongan ialah kawasan-kawasan berpotensi yang menawarkan suasana nilai kebudayaan dan artistik.

Oleh itu katanya, melalui peluang inilah masyarakat setempat sewajarnya sama-sama

bertanggungjawab dan turut komited memastikan eksplorasi produk-produk pelancongan akan dapat bersinergi, dalam mempromosi bahasa Melayu sehingga ke persada antarabangsa.

Kewibawaan dan pembawaan set minda yang kukuh terhadap potensi dan kemampuan bahasa Melayu ujarnya, perlu ditanam dalam setiap pengamal atau penutur bahasa Melayu, kerana perkara ini sedikit sebanyak dapat mempengaruhi jumlah penutur, memperkasakan kosa kata yang bernilai ilmu tinggi, terjadinya penyebaran geografi yang meluas yang disokong dengan kecemerlangan bangsa yang menuturkan bahasa ini, sehingga dapat menjana industri pelancongan yang mantap dengan nilai-nilai pengantarabangsaan bahasa Melayu, yang diserap dengan cara berinovasi dan kreatif.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin dalam ucaptama pada Majlis Perasmian Seminar Kebahasaan sempena Sidang Eksekutif Ke-57 MABBIM.

## Program memperkasa bahasa Melayu dipergiatkan

**JERUDONG**, Rabu, 25 April. - Negara Brunei Darussalam akan tetap meneliti, mengukuhkan dan memperbaiki dasar, perundangan serta program memerkasa bahasa Melayu agar bahasa ibunda kita ini terus diguna pakai dan diamalkan, bukan saja oleh bangsa Melayu di rantau nusantara, malahan akan tetap kekal menjadi sebuah bahasa dunia.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, dalam ucaptama pada Majlis Perasmian Seminar Kebahasaan sempena Sidang Eksekutif Ke-57 Majlis Bahasa Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia (MABBIM) yang berlangsung di Parkview Hotel, di sini.

Terdahulu, Yang Berhormat menyentuh mengenai pengantarabangsaan bahasa Melayu pada alaf globalisasi ini, kita sebagai negara anggota MABBIM tidak hanya berpuas hati dan berasa selesa dengan meletakkan pengharapan kepada program-program ilmiah.

Tambahnya, terdapat satu lagi unsur penting yang dapat memberikan impak serampang dua mata kepada kemajuan sebuah negara, iaitu unsur kreativiti dalam usaha membangun ekonomi sebuah negara dan seterusnya membantu usaha pengantarabangsaan bahasa Melayu.

Menurutnya, negara-negara

anggota MABBIM perlu menyasarkan pelbagai upaya dan program yang berbentuk santai, berinovasi dan kreatif kerana program-program yang sifatnya santai dan kreatif akan lebih mendapat tempat dan berupaya menggamit perhatian orang ramai, maupun masyarakat di luar negara.

"Dalam konteks ini, antara kegiatan yang bersifat santai dan berpotensi merealisasikan ialah melalui kegiatan pelancongan. Sektor pelancongan berpotensi untuk mengembangkan pengantarabangsaan bahasa Melayu ke persada dunia. Memang tidak dinafikan bahawa salah satu sebab mengapa seseorang itu melancang keluar negeri ialah untuk meninjau dengan lebih dekat lagi budaya dan warisan negara yang dikunjungi, kerana dilihat menarik dan berlainan dari budaya sendiri.

Justeru, budaya Melayu yang sarat dengan cara hidup, dengan makanannya yang unik dan tersendiri, seni tari, seni bela diri, seni bina dan pakaian orang Melayu yang indah, adalah tarikan utama kepada para pelancong untuk menjadikan negara-negara kita di nusantara ini sebagai destinasi pelancongan. Melalui kegiatan pelancongan yang bersifat kebudayaan inilah, kita akan dapat mengetengahkan bahasa Melayu kepada pelawat-pelawat asing; kerana apa jua aktiviti kebudayaan dan kesenian Melayu sememangnya berteraskan dan menggunakan bahasa Melayu," ujar Yang Berhormat lagi.

## Negara tuan rumah Seminar Kebahasaan MABBIM 2018



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan semasa melancarkan buku yang bertajuk Impak Syarahan MABBIM Terhadap Pengembangan Bahasa Melayu dan Bahasa Indonesia.

**JERUDONG**, Rabu, 25 April. - Seminar Kebahasaan Majlis Bahasa Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia (MABBIM) merupakan salah satu rangkaian persidangan MABBIM yang diadakan pada setiap tahun, mengikut giliran menjadi tuan rumah penyelenggaraan sidang antara negara anggota, iaitu Brunei Darussalam, Indonesia dan Malaysia.

Pada tahun ini, Negara Brunei Darussalam menjadi tuan rumah penyelenggaraan persidangan MABBIM bagi Sidang Pakar Ke-31; Seminar Kebahasaan MABBIM 2018 dan Sidang Eksekutif Ke-57 MABBIM.

Majlis Perasmian Seminar Kebahasaan sempena Sidang Eksekutif Ke-57 MABBIM disempurnakan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji

Abidin yang berlangsung di Hotel Parkview, di sini.

Pemangku Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Dayang Hajah Sariani binti Haji Ishak selaku Pengerusi Majlis dan Ketua Perwakilan MABBIM Brunei Darussalam, dalam ucapan alu-aluannya antara lain menjelaskan, sejak MABBIM ditubuhkan 33 tahun yang lalu, pelbagai kejayaan telah diraih termasuk penerbitan buku-buku hasil penyelidikan yang dibuat.

Tambahnya, melalui MABBIM juga, pelbagai projek kebahasaan telah disusun, seperti bengkel-bengkel ilmiah dan syarahan-syarahan MABBIM.

Menyentuh mengenai tema Seminar Kebahasaan MABBIM tahun ini, iaitu Industri Pelancongan / Parawasita sebagai Wahana Pengantarabangsaan / Internasionalisasi Bahasa Melayu / Indonesia, Dayang Hajah Sariani berkata, tema berkenaan telah disepakati semasa Sidang Eksekutif Ke-56

di Jakarta, Indonesia pada tahun lepas.

Pemilihan tema tersebut jelasnya, sangat signifikan dengan industri pelancongan yang begitu mantap pada masa ini, dan juga merupakan mekanisma berkesan untuk kita menyuarakan dan mempromosikan bahasa Melayu kepada para pelancong.

Majlis disusuli dengan ucapan dari Ketua Perwakilan Malaysia, Ketua Perwakilan Indonesia dan Ketua Perwakilan Singapura.

Pada majlis itu, Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan telah menyampaikan ucaptama dan seterusnya merasmikan seminar tersebut, disusuli dengan pelancaran buku yang bertajuk Impak Syarahan MABBIM Terhadap Pengembangan Bahasa Melayu dan Bahasa Indonesia.

Seramai 200 peserta telah menyertai seminar dua hari itu yang membentangkan sebanyak sembilan kertas kerja, iaitu empat kertas kerja dari Negara Brunei Darussalam, tiga kertas kerja dari Malaysia, satu kertas kerja dari Indonesia dan satu kertas kerja penyelidikan dari gabungan tiga negara anggota MABBIM.



BUKU bertajuk Impak Syarahan MABBIM Terhadap Pengembangan Bahasa Melayu dan Bahasa Indonesia.

# **BruIPO adakan perbincangan raikan WIPD 2018**

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
 Foto : Azmah Haji Ahad

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 26 April. - Seramai 60 pemimpin wanita dan usahawan menghadiri Perbincangan Panel yang dianjurkan oleh Pejabat Harta Intelek Brunei (BruIPO) di bawah Jabatan Tenaga dan Industri sempena Hari Harta Intelek Sedunia (World Intellectual Property Day - WIPD), berlangsung di Bangunan Design and Technology, Anggerek Desa, di sini.

WIPD adalah acara global yang disambut setiap 26 April oleh Pertubuhan Harta Intelek Sedunia (WIPO) untuk memperingati kepentingan IP dalam kehidupan sehari-hari.

Hadir selaku tetamu kehormat yang juga salah seorang ahli panel ialah Peguam Negara, Yang Berhormat Datin Seri Paduka Hajah Hayati binti Pehin Orang Kaya Kaya Shahbandar Dato Seri Paduka Haji Mohd. Salleh.

Antara ahli panel lain termasuk Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abdul Rahman; Naib Canselor Universiti Teknologi Brunei (UTB), Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman dan Timbalan Pendaftar dan Ketua BruIPO, Dayang Shahrinah Yusof Khan.

Negara anggota WIPO, termasuk Negara Brunei Darussalam, meraikannya WIPD dengan aktiviti di seluruh dunia untuk menunjukkan bagaimana kerja IP dan inovasi teknologi.

Tema tahun ini, 'Powering Change: Women in Innovation and Creativity', meraikan

kecemerlangan, kepandaian, sikap ingin tahu dan keberanian wanita yang menggerakkan perubahan dalam dunia dan membentuk masa depan bersama.

Dalam menyokong tema WIPD tahun ini, perbincangan panel bertujuan untuk merangsang perbualan interaktif, selain memberikan sumbangan wanita menerusi usaha inovatif dan kreatif.

Perbincangan panel diikuti dengan pameran produk dan perkhidmatan yang didaftarkan sebagai tanda dagangan atau paten yang diberikan dan berjaya dikomersilkan.

Lapan wanita yang mempunyai perniagaan memperkenalkan bisnes kreatif, iaitu Bajoo, Kilang Currypuff, Enya Bijoux, Little Bosses IQdemy, NHS Creations, Cycle Shine, Tarbiyyah Global dan Udra.

Pameran IP tersebut dihasratkan untuk menggiatkan kreativiti di kalangan wanita dan juga memperkenalkan hubungan intrinsik antara proses kreatif dan keuntungan melalui IP.

Di sebelah petang, sambutan WIPD meneruskan perbincangan mengenai Pengukuasaan Hak Harta Intelektual (Intellectual Property Rights-IPR), yang disampaikan oleh penceramah undangan dari International Trademark Association (INTA), Louis Chan, Penasihat Undang-undang Kanan, Procter and Gamble Asia dan Timbalan Peguambela Kanan, Pejabat Peguam Negara, Dayang Nur al-Ain binti Dr. Haji Abdullah.

Dari 26 hingga 28 April, BruIPO akan menyediakan perundingan percuma kepada orang ramai di bawah 'IP-Consult' inisiatif bagi menggalakkan lebih banyak syarikat tempatan untuk melindungi 'jenama' mereka secukupnya dan meningkatkan kesedaran tentang manfaat dan perlindungan tanda dagangan sebagai alat untuk pertumbuhan perniagaan dan daya saing.



**PEGUAM Negara, Yang Berhormat Datin Seri Paduka Hajah Hayati binti Pehin Orang Kaya Shahbandar Dato Seri Paduka Haji Mohd. Salleh (tengah) hadir selaku tetamu kehormat dan juga salah seorang ahli panel perbincangan sempena Hari Harta Intelek Sedunia (WIPD) diadakan di Bangunan Design and Technology, Anggerek Desa (atas).**



**FORUM dihadiri oleh wanita bekerja dan usahawan wanita.**

# **BST ucap selamat tinggal pada S.S Bebatik**



**TIMBALAN Menteri Tenaga (Energy) dan Perindustrian, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Matsatejo bin Sokiaw hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya merasmikan acara tersebut dengan membunyikan hon terakhir Kapal S.S Bebatik (kiri). Manakala gambar kanan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Matsatejo ketika meninjau kapal berkenaan.**

**LUMUT**, Khamis, 26 April. - Brunei Gas Carriers Sendirian Berhad (BGC) mengucapkan selamat tinggal pada Kapal Kelas 'B' Brunei Shell Tankers Sendirian Berhad (BST), S.S Bebatik menerusi acara memperingati muatan kargo terakhirnya yang berlangsung di Brunei LNG (BLNG) Plant, Lumut, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya merasmikan acara tersebut dengan membunyikan hon terakhir kapal berkenaan ialah Timbalan Menteri Tenaga (Energy) dan Perindustrian, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Matsatejo bin Sokiaw. Pengarah Urusan BST dan BGC,



John Douglas Cook semasa menyampaikan ucapannya berkata, S.S Bebatik merupakan kapal LNG tertua bukan hanya di armada BST, tetapi kapal LNG yang paling tua di dunia hari ini, ia adalah bukti bahawa semua orang yang terlibat dengannya, dahulu dan masa kini, seperti pegawai dan kru adalah komited untuk

merealisasikan perkhidmatan penghantaran LNG yang selamat, boleh dipercayai dan cekap.

Acara diakhiri dengan bacaan Doa Selamat, diikuti dengan tetamu kehormat dijemput bagi melawat Kapal Kelas 'B' berkenaan.

Turut hadir pada majlis tersebut

**Berita dan Foto :**  
**Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin**

ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Motohiko Kato; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Perancis ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Christian Ramage; Pengarah Urusan Brunei Shell Petroleum Sdn. Bhd. (BSP), Dr. Ceri M. Powell; Pengarah Urusan Brunei Shell Marketing Sdn. Bhd. (BSM), Pengiran Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha; Penngurus Besar BLNG, Patrice Gerard; Pengurus Besar Mitsubishi Corporation, Masaki Fujiwara serta pegawai-pegawai kanan dari beberapa organisasi kerajaan juga sektor swasta.

Pengurus QHSSE BGC, Kapten Abdul Mateen Abdurrahman Liew ketika ditemui Pelita Brunei menjelaskan, Kapal-kapal Kelas 'B' seperti tersebut banyak mengajarnya untuk menjadi pegawai yang cekap.

Beliau berharap Kapal-kapal Kelas 'A' yang menggantikan kesemua Kapal Kelas 'B' yang lama agar dapat bertahan selama 45 tahun seperti S.S Bebatik.

# Memperkasa kefahaman akidah umat Islam



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar (empat, kiri) semasa hadir pada Majlis Penutup Seminar Kefahaman Aqidah dan Pemikiran Semasa (SEKAPES) 2018.



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom (kanan) menerima Resolusi Seminar daripada Pemangku Ra'es Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Dr. Awang Haji Adanan bin Haji Basar.

## Pertahankan pegangan Ahli Sunnah Waljamaah

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 26 April. - Ahli Sunnah Waljamaah sebagai pegangan umat Islam yang tulen yang telah diamalkan sejak berzaman di alam Melayu termasuk di Negara Brunei Darussalam, perlu dipertahankan dan diperkuuhkan lagi, kerana ia telah terbukti membawa keamanan dan kesejahteraan serta kehidupan yang harmoni.

Penolong Kanan Profesor Fakulti Usuluddin KUPU SB, Dr. Mikdar Rusdi menyatakan perkara tersebut semasa membentangkan Resolusi Seminar Kefahaman Aqidah dan Pemikiran Semasa 2018 (SEKAPES 2018) di Majlis Penutup seminar berkenaan yang berlangsung di KUPU SB, di sini.

Dalam resolusi tersebut juga menyatakan, konsep keseimbangan dalam berugama (Wasatiyyah) merupakan konsep asas Ahli Sunnah Waljamaah yang perlu ditekankan, agar dapat memberi imej positif tentang ugama dan masyarakat Islam di mata dunia, sekali gus menjadi benteng dalam menangani gerakan pelampau ugama dan fahaman liberal.

Falsafah Melayu Islam Beraja (MIB) dan perlembagaan yang sedia ada serta gagasan 'Negara Zikir' terbukti menjadi benteng kukuh dalam usaha mempertahankan kemurnian akidah berteraskan kepada manhaj Ahli Sunnah Waljamaah.

Resolusi tersebut juga menjelaskan, Institusi Pendidikan al-Azhar al-Sharif, sebuah institusi pendidikan Islam yang tertua di dunia yang menjadi tonggak pengembangan kefahaman Ahli Sunnah Waljamaah, perlu menjadi rujukan bagi institusi pengajian Islam di rantau ini.

Kurikulum Pendidikan Ugama Islam (PUI) perlu diaplikasikan dengan kefahaman Ahli Sunnah Waljamaah sama ada di peringkat sekolah rendah, menengah maupun di peringkat pengajian tinggi.

Resolusi tersebut juga menyatakan mengenai Perintah Pendidikan Ugama Wajib 2012 bermula 1 Januari 2013 telah

dikuatkuasakan. Dalam akta ini, kanak-kanak berumur tujuh tahun diwajibkan bersekolah ugama bermula dari peringkat Pra Sekolah Agama hingga tamat Darjah VI. Perintah pendidikan ini sudah setentunya akan menjadi salah satu tapak semai yang baik sebagai benteng jati diri Muslim.

Mata pelajaran yang berkaitan dengan akidah terutamanya Tauhid, mesti diajarkan secara komprehensif dan holistik di semua peringkat pendidikan berpandukan kitab-kitab tulen yang muktabar dalam aliran Ahli Sunnah Waljamaah.

Seterusnya dalam resolusi tersebut juga menjelaskan, kepelbagaiannya pendekatan strategi kaedah dan teknik dalam pengajaran dan pembelajaran perkara-perkara al-Sam'iyyat dalam akidah Islam perlu dikaji, agar lebih memberi kesan terhadap pengukuhan akidah Ahli Sunnah Waljamaah, khususnya dalam kalangan generasi muda di Negara Brunei Darussalam.

Pengkajian Kefahaman Ahli Sunnah Waljamaah hendaklah diaktifkan dari sudut pengamalannya (tatbiqy) dengan melakukan penyelidikan dan menyebarluaskannya menerusi penerbitan buku-buku, artikel-artikel dan risalah-risalah serta mengadakan seminar, forum dan kegiatan ilmiah lainnya.



PENOLONG Kanan Profesor Fakulti Usuluddin, Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Dr. Mikdar Rusdi membacakan resolusi seminar.

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim  
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 26 April. - Pusat Pengkajian Kefahaman Ahli Sunnah Waljamaah (ASWJ) dan Fakulti Usuluddin, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) telah mengambil inisiatif untuk mengadakan Seminar Kefahaman Aqidah dan Pemikiran Semasa 2018 (SEKAPES 2018) selama dua hari yang berakhir hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat di majlis penutup seminar yang diadakan di KUPU SB, di sini ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin

Pengiran Haji Bahar.

Majlis dimulakan dengan pembentangan kertas kerja utama yang disampaikan oleh Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal, diikuti dengan pembentangan resolusi seminar oleh Penolong Kanan Profesor Fakulti Usuluddin KUPU SB, Dr. Mikdar Rusdi.

Seterusnya Pemangku Ra'es KUPU SB, Dr. Awang Haji Adanan bin Haji Basar menyerahkan resolusi seminar kepada tetamu kehormat.

Majlis disusuli dengan penyampaian sijil dan cenderahati kepada pembentang yang

disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Seminar yang bertemakan 'Aqidah ASWJ Asas Kesejahteraan Negara' ini, bertujuan untuk memperkasa kefahaman akidah dalam kalangan umat Islam masa kini. Ia juga bertujuan untuk menangani fahaman dan pemikiran semasa yang bertentangan dengan ajaran akidah ASWJ, di samping mengenal pasti isu-isu dan cabaran dalam pendidikan akidah serta menyebarluaskan pendidikan akidah dalam masyarakat menerusi karya ilmiah.

Selain itu, seminar ini juga mampu mengukuhkan dasar dan keharmonian Negara Brunei Darussalam dalam mengekalkan pendirian negara yang berkaitan dengan kefahaman dan pendidikan akidah.

## Gagasan Negara Zikir bentuk masyarakat harmoni

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 26 April. - Kekuatan pegangan akidah Ahli Sunnah Waljamaah (ASWJ) di kalangan masyarakat Islam Brunei adalah tumpuan kepada keharmonian berugama dan kesejahteraan bernegara di Negara Brunei Darussalam. Justeru itu, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sangat mengambil berat terhadap pemeliharaan akidah umat Islam di negara ini.

Demikian antara perisian Kertas Kerja Utama V yang dibentangkan oleh Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal mengenai 'Kekuatan ASWJ di bawah Naungan Pemerintahan Cemerlang Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam (1967-2018)', pada Majlis Penutup Seminar Kefahaman Aqidah dan Pemikiran Semasa (SEKAPES) 2018, yang berlangsung di Dewan Tarbiah, Kolej Universiti Perguruan

Ugama Seri Begawan (KUPU SB), di sini.

Dr. Awang Haji Norarfan seterusnya menjelaskan, antara strategi dan pendekatan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negara Brunei Darussalam ialah membekalkan masyarakat Islam dengan ilmu pengetahuan ugama yang berlandaskan ajaran Islam yang betul dan mencukupi, serta berterusan sama ada melalui pendidikan formal maupun non-formal, serta keberkesanannya dalam dakwah agar pemahaman serta penghayatan berugama dapat diterapkan sebagai benteng mempertahankan akidah yang luhur, serta tidak mudah terpedaya dengan aliran yang bercanggah dengan syariat Islam.

Keluhuran undang-undang dan ketegasan agensi-agensi kerajaan terangnya, juga memainkan peranan penting dalam usaha membanteras penyelewengan akidah dan aliran-aliran yang cuba menggugat ketenteraman keharmonian amalan berugama di Negara Brunei Darussalam.

Jelasnya, dengan mengorak langkah demikian yang



REKTOR Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal membentangkan Kertas Utama V 'Kekuatan ASWJ' di bawah Naungan Pemerintahan Cemerlang Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam (1967-2018)'.

diperkuuh dengan falsafah Melayu Islam Beraja (MIB) serta gagasan 'Negara Zikir' yang syumul telah terbukti berjaya membentuk sebuah masyarakat yang harmoni dan negara yang aman makmur.

# Seminar bantu merumuskan dasar realisasikan kesaksamaan jantina



PEMANGKU Naib Canselor UBD, Profesor Madya Dr. Mohammad Ayub Sadiq semasa menyampaikan cenderahati kepada Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abdul Rahman (kiri). Manakala gambar kanan, Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeriyanty semasa merasmikan Seminar Antarabangsa Pemerkasaan Sosio-Pendidikan Wanita Muslim di Abad Baharu.

Berita dan Foto :  
Ak. Syiaruddin Pg. Dauddin

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 25 April. - Seminar Pemerkasaan Sosio-Pendidikan Wanita Muslim di Abad Baharu anjuran Pusat Pengajian Islam Sultan Omar 'Ali

Saifuddien (SOASCIS), Universiti Brunei Darussalam (UBD) dihasrat dapat memberikan *input* kepada pembuat dasar dan pelaksana polisi dalam bidang kesaksamaan jantina.

Seminar dua hari yang bermula

hari ini di Bilik Senat, Dewan Canselor, UBD, membentangkan 14 kertas kerja yang disampaikan oleh pembentang-pembentang daripada Negara Brunei Darussalam, Indonesia, Thailand, Malaysia dan Singapura. Lebih 200 peserta menghadiri seminar tersebut.

Majlis pembukaan seminar dirasmikan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abdul Rahman.

Turut hadir, Pemangku Naib Canselor UBD, Profesor Madya Dr. Mohammad Ayub Sadiq, bersama pegawai-pegawai utama serta kakitangan-kakitangan UBD.

Seminar bertemakan 'Ke Arahan Kesaksamaan Jantina Melalui Pendidikan Holistik' merupakan hasil kolaborasi UBD bersama

Persatuan Siswazah Wanita (PSW) Brunei Darussalam, Universitas Islam Negeri (UIN) Sunan Gunung Djati, Bandung, Indonesia dan Universiti Fatoni, Thailand.

Objektif seminar adalah untuk menyumbang ke arah pemahaman yang lebih baik mengenai konsep-konsep kesaksamaan jantina dan pendidikan holistik

dari sudut Islam, dengan cara mengulas kembali kemajuan sosio-pendidikan yang telah dicapai oleh wanita Islam sejak bermulanya Abad Ke-21.

Hasil daripada kajian-kajian tersebut diharap dapat memberikan *input* kepada pembuat dasar dan pelaksana polisi dalam bidang kesaksamaan jantina dan pendidikan holistik, yang boleh membantu mereka membuat rumusan dasar yang lebih berkesan dalam merealisasikan kesaksamaan jantina.

## Semai semangat kenegaraan penuntut

LUMAPAS, Rabu, 25 April. - Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Jabatan Penerangan meneruskan Program Taklimat Kenegaraan ke Sekolah Menengah Sayyidina Umar Al-Khattab.

Taklimat mengenai Raja Kita, Menghayati Bendera Negara dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam disampaikan oleh Penolong Pegawai Penerangan, Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Awang Mohd. Nurakram bin Noraini @ Bahrin telah dihadiri oleh seramai 155 penuntut Tahun 7 sekolah berkenaan.

Dalam taklimat tersebut, beliau antara lain menyentuh mengenai raja kita, tatacara menaik-kibarkan bendera negara dan sejarah Lagu Kebangsaan NBD 'Allah Peliharakan Sultan' dengan terperinci.

Pada program taklimat tersebut, para pelajar turut menyaksikan tayangan klip 'Kibarkanlah Dengan Megah Bendera Negara', seterusnya klip 'Semarak Pengibaran Bendera Negara' dan Video Animasi 'Tatacara Mengibarkan Bendera Negara' dan tayangan klip video Aplikasi Mudah Alih 'Info DeptBN'.

Selain itu, para penuntut juga berpeluang menyertai Kuiz Kenegaraan yang dikendalikan oleh pihak Jabatan Penerangan.

Taklimat kemudiannya diakhiri dengan penyampaian hadiah kepada para penuntut



PROGRAM Taklimat Kenegaraan yang diadakan di Sekolah Menengah Sayyidina Umar Al-Khattab.

Oleh : Khartini Hamir  
Foto : Hamzah Mohidin

yang berjaya menjawab kuiz berkenaan.

Program seumpamanya adalah salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyemai semangat cinta terhadap raja, agama, bangsa dan negara di samping mengukuhkan semangat solidariti, patriotik dan kenegaraan yang tinggi dalam

diri penuntut melalui lagu kebangsaan dan bendera negara.

Hadir sama di siri taklimat tersebut ialah Pengetua Sekolah Menengah Sayyidina Umar Al-Khattab, Dayang Sinasuria binti Haji Ibrahim serta tenaga-tenaga pengajar sekolah berkenaan.

## Sebuah syarikat didakwa bawa masuk bahan makanan diragui halal

Siaran Akbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 25 April. - Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Bahagian Kawalan Makanan Halal, Jabatan Hal Ehwal Syariah dengan ini memaklumkan orang ramai bahawa Syarikat Sorisso Restaurant & Pizzeria yang beralamat di Unit 14 & 15, Ground Floor, Lot 26340/41, Kampung Kiarong, BE1318 telah disabit kesalahan melanggar peraturan di bawah Bab 3 dan 4, Perintah Sijil Halal Label Halal, 2005 kerana membawa masuk bahan makanan yang diragui kehalalannya, iaitu 42 bungkus isi daging arnab, 28 bungkus isi daging anak lembu dan sembilan bungkus isi daging lembu.

Bungkus-bungkus daging tersebut didapati di dalam premis syarikat berkenaan semasa Pegawai-Pegawai Penguatkuasa Bahagian Kawalan Makanan Halal membuat pemantauan ke atas premis syarikat tersebut. Syarikat Sorisso Restaurant & Pizzeria telah didakwa di bawah Bab 37, Perintah Sijil Halal dan Label Halal, 2005 dan didenda sebanyak BND800.00.

Setiap syarikat yang telah diberikan Sijil Halal dan Permit Halal dikehendaki untuk sentiasa mematuhi kehendak dan syarat Sijil Halal dan Permit Halal seperti yang dinyatakan di dalam Perintah Sijil Halal dan Label Halal, 2005 termasuk Piawaian Brunei Darussalam untuk Makanan Halal PBD24:2007 serta garis panduan yang telah ditetapkan.

Bahagian Kawalan Makanan Halal akan sentiasa menjalankan Audit Pemantauan dari semasa ke semasa ke atas syarikat-syarikat yang telah diberikan Sijil Halal atau Permit Halal, untuk memastikan kehendak dan syarat Sijil Halal dan Permit Halal sentiasa dipatuhi oleh pemegang Sijil Halal atau Permit Halal serta menjaga pemakanan halal di negara ini.

**IKLAN JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM**

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI DENGAN SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BAGI JAWATAN-JAWATAN KOSONG SILA LAYARI

[www.recruitment.gov.bn](http://www.recruitment.gov.bn)

**PERATURAN 7(A)**

Dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**TARIKH IKLAN: 28 APRIL 2018**

**TARIKH TUTUP: 12 MEI 2018**

<b>1. PEGAWAI PELAJARAN</b> G.13 BAHAGIAN II INSTITUT TAHFIZ AL-QURAN SULTAN HAJI HASANAL BOKIAH KEMENTERIAN HAL EHWAH UGAMA <b>KEKOSONGAN: SATU (01)</b>	<b>2. AHLI KIMIA UBAT</b> M.13-14 EB.15 BAHAGIAN II KEMENTERIAN KESIHATAN <b>KEKOSONGAN: DUA (02)</b>	<b>3. TIMBALAN KOMANDAN KEM</b> B.3 BAHAGIAN II BAHAGIAN KHIDMAT BAKTI NEGARA KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN <b>KEKOSONGAN: SATU (01)</b>
<b>4. PEGAWAI LUAR PENERANGAN</b> C.1-2 EB.3 BAHAGIAN III JABATAN PENERANGAN JABATAN PERDANA MENTERI <b>KEKOSONGAN: SATU (01)</b>	<b>5. PEMBANTU PERANCANG BANDAR</b> D.4-5 EB.6 BAHAGIAN IV JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN <b>KEKOSONGAN: SATU (01)</b>	<b>6. PENGENDALI MESIN PEMBUAT</b> PLET TINGKAT I D.4 EB.5 BAHAGIAN IV JABATAN PERCETAKAN BRUNEI JABATAN PERDANA MENTERI <b>KEKOSONGAN: SATU (01)</b>
	<b>7. PENYELENGGARA STOR TINGKAT I</b> D.4 EB.5 BAHAGIAN IV JABATAN-JABATAN KERAJAAN <b>KEKOSONGAN: SATU (01)</b>	

[SILA KLIK GAMBAR]

## Search Result

**PERATURAN 38(A)**

BILANGAN IKLAN 46/2018 (SPA/BIKL)  
Khusus bagi pemohon daripada kalangan  
pegawai dan kakitangan yang sedang  
berkhidmat di Perkhidmatan Awam Negara  
Brunei Darussalam.

**TARIKH IKLAN: 28 APRIL 2018**  
**TARIKH TUTUP: 19 MEI 2018**

<b>1. PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS</b> KANAN SUPERSCALE A/B/C ATAU KUMPULAN 1/2/3 BAHAGIAN I UNIT PERHUBUNGAN KORPORAT KEMENTERIAN HAL EHWAH DALAM NEGERI <b>KEKOSONGAN: SATU (01)</b>
--

UNTUK MENGETAHUI MENGENAI:  
Syarat-Syarat Am, Tatacara  
Permohonan dan juga lain-lain  
maklumat sila kunjungi ruangan  
Announcement di  
[www.recruitment.gov.bn](http://www.recruitment.gov.bn)

**HELPLINE:** **TALIAN DARUSSALAM 123**


**MAKLUMAN TARIKH TUTUP IKLAN DILANJUTKAN**

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI DENGAN SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS  
DAN TANGGUNGJAWAB BAGI JAWATAN-JAWATAN KOSONG SILA LAYARI

[www.recruitment.gov.bn](http://www.recruitment.gov.bn)

**TARIKH TUTUP IKLAN DILANJUTKAN KE 30/04/2018**

Peraturan 7(a)

Tarikh tutup iklan 23/04/2018

1. PENOLONG SETIAUSAHA BANDARAN JABATAN BANDAR KUALA BELAIT DAN SERIA KEMENTERIAN HAL EHWAH DALAM NEGERI (2018/0014/08) TANGGAGAI C.3-4 EB.5	2. PENGENDALI MESIN MEMBUAT PLET TINGKAT II JABATAN PERCETAKAN KERAJAAN JABATAN PERDANA MENTERI (2018/0014/04) TANGGAGAI D.3-4 EB.5
3. PEGAWAI PELAJARAN JABATAN PENDIDIKAN KOKURIKULUM KEMENTERIAN PENDIDIKAN (2018/0013/25) TANGGAI G.13	4. PEGAWAI EKONOMI JABATAN PERANCANGAN KEMAJUAN EKONOMI JABATAN PERDANA MENTERI (2018/0014/06) TANGGAGAI B.2 EB.3
5. PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS TINGKAT II JABATAN MAJLIS-MAJLIS MESYUARAT JABATAN PERDANA MENTERI (2018/0013/42) TANGGAGAI B.2 EB.3 / B.2	6. PEMBANTU PROSES JABATAN PERCETAKAN KERAJAAN JABATAN PERDANA MENTERI (2018/0014/03) TANGGAGAI D.1-2 EB.3
7. PENYELENGGARA STOR TINGKAT III JABATAN-JABATAN KERAJAAN (2018/0013/45) TANGGAGAI E.1-2-3 EB.4	8. PEMBANTU PENYELIDIK KEMENTERIAN HAL EHWAH LUAR NEGERI DAN PERDAGANGAN (2018/0014/01) TANGGAGAI D.1-2-3 EB.4-5
9. PENOLONG PEGAWAI PERBEKALAN JABATAN-JABATAN KERAJAAN (2018/0018/26) TANGGAGAI C.3-4 EB.5	10. PEGAWAI PELAJARAN PUTUS KERJASAMA SAINS, TEKNOLOGI DAN ALAM SEKITAR KEMENTERIAN PENDIDIKAN (2018/0014/02) TANGGAGAI G.13
11. JURUTERA JABATAN PERANCANGAN DAN PENGURusan ESTET KEMENTERIAN PENDIDIKAN (2018/0013/27) TANGGAGAI B.2 EB.3	12. PENOLONG PEGAWAI PENYEMAK TINGKAT II JABATAN-JABATAN KERAJAAN (2018/0013/05) TANGGAGAI C.1-2 EB.3
13. PEMBANTU TERNAKAN KANAN JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN (2018/0013/28) TANGGAGAI C.2 EB.3	14. PEMERIKSA TANAH JABATAN TANAH KEMENTERIAN PEMBANGUNAN (2018/0013/43) TANGGAGAI D.1-2-3 EB.4-5


**MAKLUMAN TARIKH TUTUP IKLAN DILANJUTKAN**

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI DENGAN SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS  
DAN TANGGUNGJAWAB BAGI JAWATAN-JAWATAN KOSONG SILA LAYARI

[www.recruitment.gov.bn](http://www.recruitment.gov.bn)

**TARIKH TUTUP IKLAN DILANJUTKAN KE 05/05/2018**

Peraturan 7(a)

Tarikh tutup iklan 28/04/2018

15. PENOLONG PEGAWAI BANDARAN TINGKAT I JABATAN BANDAR KUALA BELAIT DAN SERIA KEMENTERIAN HAL EHWAH DALAM NEGERI (2018/0014/22) TANGGAGAI C.3-4 EB.5	16. PEGAWAI KAJIUCUA JABATAN KAJIUCUA KEMENTERIAN PERHUBUNGAN (2018/0014/13) TANGGAGAI B.2 EB.3 / B.2
17. PENERBIT KANAN JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI JABATAN PERDANA MENTERI (2018/0014/12) TANGGAGAI B.2 EB.2 / B.2	18. PEGAWAI PERTANIAN JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN (2018/0014/14) TANGGAGAI B.2 EB.3
19. PENGAWAS TINGKAT II JABATAN-JABATAN KERAJAAN (2018/0014/16) TANGGAGAI D.3 EB.4	20. PENGENDALI MESIN JIJD TINGKAT II JABATAN PERCETAKAN KERAJAAN JABATAN PERDANA MENTERI (2018/0014/21) TANGGAGAI D.2-3 EB.4
21. MERINYU PERANCANG JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN (2018/0014/15) TANGGAGAI D.1-2-3 EB.4-5	22. TRADESMAN TINGKAT I JABATAN-JABATAN KERAJAAN (2018/0014/11) TANGGAGAI E.1-2-3 EB.4
23. PEMBANTU PERHUTANAN RENDAH JABATAN PERHUTANAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN (2018/0014/17) TANGGAGAI D.1-2 EB.3	24. PENGENDALI MESIN PEMOTONG KERTAS TINGKAT I JABATAN PERCETAKAN KERAJAAN JABATAN PERDANA MENTERI (2018/0014/20) TANGGAGAI D.3 EB.4
25. KETUA TEKNIK MAKMAL INSTITUT PENDIDIKAN TEKNIKAL BRUNEI KEMENTERIAN PENDIDIKAN (2018/0014/19) TANGGAGAI C.3-4 EB.5	26. PENOLONG PEGAWAI KEWANGAN TINGKAT II JABATAN-JABATAN KERAJAAN (2018/0014/18) TANGGAGAI C.1-2 EB.3

**TARIKH TUTUP IKLAN DILANJUTKAN KE 05/05/2018**

Peraturan 38(b)

Tarikh tutup iklan 28.04.2018

27. PEGAWAI PELAJARAN KANAN JABATAN SEKOLAH-SEKOLAH KEMENTERI PENDIDIKAN (2018/0013/09) TANGGAGAI G.13
--


**KEMENTERIAN  
PERTAHANAN**

KEMENTERIAN Pertahanan menawarkan permohonan bagi warga Negara Brunei Darussalam untuk mengisikan jawatan-jawatan kosong di Bahagian Pemeliharaan Kelengkapan Teknikal, Kementerian Pertahanan seperti berikut :

**UNIT KEJURUTERAAN  
TENTERA UDARA**

**1. JURUTERA KANAN**  
KEKOSONGAN : 1  
SEKSYEN / UNIT : ENGINE BAY

**2. JURUTERA KANAN**  
KEKOSONGAN : 1  
SEKSYEN / UNIT :  
HUMAN RESOURCE  
MANAGEMENT & TRAINING  
DEVELOPMENT (HRM & HRD)

**3. JURUTERA BENGKEL ENJIN**  
KEKOSONGAN : 1  
SEKSYEN / UNIT :  
BENGKEL ENJIN

**4. JURUTERA**  
KEKOSONGAN : 2  
SEKSYEN / UNIT : ENGINEERING  
COORDINATION AND PLANNING

**5. PENOLONG JURUTERA**  
KEKOSONGAN : 1  
SEKSYEN / UNIT : GROUND  
SUPPORT EQUIPMENT  
(BENGKEL AM)

**6. PENOLONG JURUTERA**  
KEKOSONGAN : 1  
SEKSYEN / UNIT : PERANCANG  
ALAT GANTI PESAWAT (MPRM)

**7. PENOLONG JURUTERA**  
KEKOSONGAN : 1  
SEKSYEN / UNIT : UPHOSLTERI -  
BENGKEL ROLE

**UNIT KEJURUTERAAN  
TENTERA DARAT**

**1. KETUA JURUTERA**  
KEKOSONGAN : 1  
SEKSYEN / UNIT :  
PUSAT KALIBRASI

**2. JURUTERA KANAN**  
KEKOSONGAN : 1  
SEKSYEN / UNIT :  
MAKMAL KALIBRASI

**ELEKTRIKAL**

**3. JURUTERA**  
KEKOSONGAN : 1  
SEKSYEN / UNIT : TEKANAN /  
MAKMAL MEKANIKAL

**4. JURUTERA KANAN**  
KEKOSONGAN : 1  
UNIT : MISCELLANEOUS  
ELECTRONIC REPAIR GROUP  
(MERG)

**5. JURUTERA -  
(MEKANIK OTOMOTIF)**  
KEKOSONGAN : 1  
UNIT : PEMERIKSAAN  
KENDERaan, MERG

**6. JURUTERA**  
KEKOSONGAN : 1  
UNIT : KEJURUTERAAN DARAT  
KHIDMAT BANTUAN KOMBAT /  
RTSG (RANGE TARGET SUPPORT  
GROUP)

**7. PENOLONG JURUTERA**  
KEKOSONGAN : 1  
UNIT : (MISCELLANEOUS  
ELECTRONIC REPAIR GROUP)

**8. PENOLONG JURUTERA**  
KEKOSONGAN : 1  
UNIT : INSTRUMENTS  
(PENANJONG)

**UNIT KEJURUTERAAN  
TENTERA LAUT**

**1. JURUTERA**  
KEKOSONGAN : 1  
SEKSYEN / UNIT : (WELDER)

**2. JURUTERA**  
KEKOSONGAN : 2  
SEKSYEN / UNIT : BLASTER

**3. JURUTERA**  
KEKOSONGAN : 1  
SEKSYEN / UNIT :  
AIR CONDITIONING DAN  
REFRIGERATION

**4. JURUTERA**  
KEKOSONGAN : 1  
SEKSYEN / UNIT : MEKANIKAL

**5. JURUTERA**  
KEKOSONGAN : 1  
SEKSYEN / UNIT : ELEKTRIK

**6. JURUTERA**  
KEKOSONGAN : 1

**SEKSYEN / UNIT : LOGISTIK**

**7. PENOLONG JURUTERA**  
KEKOSONGAN : 1  
SEKSYEN / UNIT : ELECTRONICS

**8. PENOLONG JURUTERA**  
KEKOSONGAN : 1  
SEKSYEN / UNIT : PERSENJATAAN  
COMMAND AND CONTROL

**9. PENOLONG JURUTERA**  
KEKOSONGAN : 1  
SEKSYEN / UNIT :  
PERSENJATAAN MEKANIKAL

**CARA PERMOHONAN :**

Pemohon hendaklah mengisikan dan melengkapkan (1) salinan borang permohonan kerja dimuat turun di laman sesawang, Kementerian Pertahanan di alamat [www.mindf.gov.bn](http://www.mindf.gov.bn) dalam butang 'Career' dan boleh dikembalikan melalui e-mel Bahagian Pemeliharaan Kelengkapan Teknikal di alamat [temd.recruitment@mindf.gov.bn](mailto:temd.recruitment@mindf.gov.bn) atau di alamat di bawah bersama-sama dengan salinan sijil-sijil, surat-surat akuan dan rekod perkhidmatan yang lengkap dan diakui sah :

**BAHAGIAN PEMELIHARAAN  
KELENGKAPAN TEKNIKAL  
BLOK C, LANTAI BAWAH  
JABATANARAH PENTADBIRAN  
DAN TENAGA MANUSIA  
KEMENTERIAN PERTAHANAN  
BOLKIAH GARRISON, BB3510  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

1. Semua kelulusan dan sijil-sijil kecekapan, peperiksaan yang dikendalikan oleh badan-badan profesional yang dihadapkan dengan permohonan hendaklah diiktrah oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
2. Tarikh tutup penerimaan borang permohonan ialah pada **15 Mei 2018**.
3. Permohonan yang lewat diterima adalah tidak diterima.
4. Pemohon yang berjaya akan dilantik secara berkontrak selamanya (3) tahun.
5. Sebarang maklumat mengenai jawatan-jawatan kosong yang diiklankan bolehlah diperoleh dari Seksyen Pengambilan, Bahagian Pemeliharaan Kelengkapan Teknikal, Kementerian Pertahanan melalui nombor talian +673 2386155 pada waktu pejabat iaitu Isnin hingga Khamis pada jam 8.00 Pagi hingga 4.00 Petang dan Jumaat 8.00 Pagi hingga 11.00 Pagi.


**KEMENTERIAN PERTAHANAN**
**PEMBERITAHUAN TAWARAN  
KEMENTERIAN PERTAHANAN**

**TAWARAN NO. :**  
**JPPK / LTN / 18 / 2018**  
**ONE YEAR TERM CONTRACT FOR  
MAINTENANCE AND REPAIR OF  
MAIN AIR CONDITIONING PLANT, RAC,  
SPLIT TYPE, SMALL PACKAGES AND  
MECHANICAL VENTILATION SYSTEM  
FOR PENGKALAN TENTERA UDARA  
KG. RIMBA AND BIA**

**BAYARAN TAWARAN :**  
**BND30.00 (tidak dikembalikan)**

**KELAS :**  
**III & KE ATAS**

**KATEGORI :**  
**E01, E02 dan M01**

**TEMPOH PENYIAPAN :**  
**SATU (1) TAHUN**

**TARIKH AKHIR  
MENGAMBIL DOKUMEN :**  
**Jumaat, 27 April 2018  
(jam 11.00 Paggi)**

**TARIKH TUTUP TAWARAN :**  
**Selasa, 1 Mei 2018  
(tidak lewat jam 2.00 petang)**

**SYARAT SYARAT TAWARAN :**

a. TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Bangunan Arkib, Aras Bawah, Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison, BB3510, Negara Brunei Darussalam, **tidak lewat pada tarikh yang dinyatakan di atas**.

Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperoleh dari Bangunan Arkib, Aras Bawah, Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison, BB3510, Negara Brunei Darussalam semasa hari-hari bekerja (Isnin hingga Jumaat).

b. Bayaran yuran tawaran (*tender fee*) hendaklah dibayar di Bangunan Arkib, Aras Bawah, Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison, BB3510, Negara Brunei Darussalam.

**Waktu bagi menerima bayaran  
dan mendapatkan borang tawaran :**  
Isnin hingga Khamis  
8.00 Pagi hingga 12.00 Tengah Hari  
2.00 Petang hingga 3.00 Petang  
Jumaat  
8.00 Pagi hingga 11.00 Paggi

Penender yang berhasrat menyertai tawaran ini adalah di saran untuk merujuk maklumat dan syarat penuh di tempat mengambil dokumen tawaran seperti yang dinyatakan di atas.


**MAHKAMAH PEGAWAI WARIS  
TEMBURONG**
**DI DALAM MAHKAMAH  
PEGAWAI WARIS TEMBURONG**
**SURAT KUASA PUSAKA NO.  
TEMB / LA / 03 / 2018**

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **MARIAM ANAK AMPILI** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **JAMAT ANAK MALONG / MALAUNG** yang telah meninggal dunia di **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **BALU** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH DAERAH TEMBURONG** pada **28 APRIL 2018**, jam 9.30 Paggi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **PEGAWAI WARIS DAERAH TEMBURONG** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 14 Mac 2018.

**HASHIMAH HJ. ABU BAKAR**  
Timbalan Pendaftar Mahkamah Rendah  
b/p. Timbalan Pegawai Waris  
Temburong  
Negara Brunei Darussalam.


**JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT  
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

**(1)  
BIL. TAWARAN :**  
**JAPEM / Q / 2018 / KRK / 01**  
[KEPERLUAN HARIAN]

**PERKARA :**  
**(A). PEMBEKALAN PERALATAN  
KEPERLUAN HARIAN  
KOMPLEKS RUMAH-RUMAH  
KEBAJIKAN BAGI TEMPOH  
2 TAHUN (KG. BELIMBING)**

**(2)  
BIL. TAWARAN :**  
**JAPEM / Q / 2018 / KRK / 02**  
[PERALATAN PERSEKOLAHAN]

**PERKARA :**  
**(B). PEMBEKALAN PERALATAN  
PERSEKOLAHAN PENGHUNI /  
RESIDEN KOMPLEKS  
RUMAH-RUMAH KEBAJIKAN  
BAGI TEMPOH 2 TAHUN  
(KG. BELIMBING)**

**Syarat-syarat tawaran :**

1. TAWARAN adalah dipelawa dari syarikat-syarikat serta pemborong-pemborong yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

2. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan lanjut bolehlah diperoleh semasa waktu pejabat, di Bahagian Pentadbiran & Kewangan, Tingkat 2, Jabatan Pembangunan Masyarakat, Bangunan Kementerian Kebudayaan,

\*\*Tarikh terakhir menerima pembayaran ialah pada **8 Mei 2018**.

5. Setiap borang tawaran hendaklah diisikan dengan lengkap dengan disertakan resit pembayaran *tender fee*, salinan sijil Pendaftaran Perniagaan dan dimasukkan ke dalam sampul surat yang tertutup rapi (*sealed*) tanpa menunjukkan identiti atau logo syarikat, tetapi hendaklah menyatakan bilangan & tajuk tawaran dengan jelas dan hendaklah dihantar dan dimasukkan ke dalam PETI TAWARAN dialamat seperti berikut :

**1.  
BIL. TAWARAN :  
JAPEM / Q / 2018 / KRK / 01  
[KEPERLUAN HARIAN]**

**(A). PEMBEKALAN PERALATAN  
KEPERLUAN HARIAN KOMPLEKS  
RUMAH-RUMAH KEBAJIKAN  
BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN  
(KG. BELIMBING)**

**PETI TAWARAN**

Pengarah Pembangunan Masyarakat  
Peti Sebut Harga Tingkat 2  
Jabatan Pembangunan Masyarakat  
Bangunan Kementerian Kebudayaan,  
Belia dan Sukan  
Simpang 336-17  
Jalan Kebangsaan, BC4415

**2.  
BIL. TAWARAN :  
JAPEM / Q / 2018 / KRK / 02  
[PERALATAN PERSEKOLAHAN]**

**(B). PEMBEKALAN PERALATAN  
PERSEKOLAHAN PENGHUNI /  
RESIDEN KOMPLEKS RUMAH-  
RUMAH KEBAJIKAN BAGI TEMPOH  
DUA (2) TAHUN (KG. BELIMBING)**

**PETI TAWARAN**

Pengarah Pembangunan Masyarakat  
Peti Sebut Harga Tingkat 2  
Jabatan Pembangunan Masyarakat  
Bangunan Kementerian Kebudayaan,  
Belia dan Sukan  
Simpang 336-17  
Jalan Kebangsaan, BC4415

6. Tawaran hendaklah sampai ke alamat seperti yang dinyatakan tidak lewat pada hari **Selasa, 8 Mei 2018, jam 2.00 Petang** dan tawaran yang lewat diterima dari tarikh seperti yang telah dinyatakan tidak akan dilayan.

# Pegawai dan anggota ABDB terima agihan Kurma Kurnia



PEMERINTAH Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral Pengiran Aminan bin Pengiran Haji Mahmud (kiri) menyerahkan buah kurma kepada wakil-wakil jabatan dan unit-unit ABDB (kanan). Manakala gambar kanan, antara anggota ABDB yang hadir pada majlis tersebut.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Hamzah Mohidin

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumat, 27 April. - Para pegawai dan anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) bagi peringkat Bolkiah Garison hari ini menerima Kurma Kurnia Peribadi

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada majlis yang



berlangsung di Surau Ad Difa', Bolkiah Garison.

Pengagihan Kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia disempurnakan oleh Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral Pengiran Aminan bin Pengiran Haji Mahmud.

Turut hadir ialah Pemerintah

Angkatan Bersama, Brigadier Jeneral (U) Dato Seri Pahlawan Haji Hamzah bin Haji Sahat, Komandan-komandan, Pengarah-pengarah Tentera, Pegawai-pegawai Kanan dan Pegawai-Pegawai ABDB.

Majlis dimulakan dengan bacaan ayat-ayat Al-Quran dan seterusnya bacaan Ratib Al-Attas. Majlis

diteruskan dengan pengagihan buah Kurma Kurnia Peribadi KDYMM oleh Pemerintah ABDB kepada wakil-wakil dari Jabatan-jabatan yang bawah pentadbiran Kementerian Pertahanan.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat.

## Lebih 200 hadiri Hari Anzac

Siaran Akhbar dan Foto :  
Suruhanjaya Tinggi Australia di Negara Brunei Darussalam

**MUARA**, Rabu, 25 April. - Lebih dari 200 orang jemputan dari Australia, New Zealand, Brunei Darussalam dan juga antarabangsa berkumpul sebelum Subuh di Tugu Peringatan Brunei-Australia di Pantai Muara, sempena memperingati Hari Anzac iaitu hari peringatan bagi lelaki dan wanita Australia dan New Zealand yang telah berkhidmat di negara-negara mereka sebagai angkatan bersenjata.

Antara pengisian aktiviti ialah bacaan oleh pegawai kerajaan dan

tentera dari Australia dan New Zealand diikuti dengan mengunjungi Kapal Perang Tentera Laut Australia (HMAS Toowoomba), menyediakan Parti Catafalque (penjaga upacara), dan Unit Simpanan Gurkha, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) menyediakan peniup seruling dan peniup begol. Matthew Mann dan Ellie Shaw, dari Sekolah Antarabangsa Jerudong juga mengambil bahagian dalam pengibaran bendera.

Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral Pengiran Dato Seri



PEMERINTAH Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral Pengiran Aminan bin Pengiran Haji Mahmud (depan, kanan sekali) turut hadir di Tugu Peringatan Brunei-Australia di Pantai Muara, sempena memperingati Hari Anzac iaitu hari peringatan bagi lelaki dan wanita Australia dan New Zealand yang telah berkhidmat di negara-negara mereka sebagai angkatan bersenjata.

Pahlawan Aminan bin Pengiran Haji Mahmud juga hadir sama bagi meletakkan kalungan bunga pada tugu peringatan semasa upacara bagi pihak ABDB.

Majlis diteruskan dengan sesi bersarapan ala tradisional Hari

Anzac yang dihoskan oleh HMAS Toowoomba. Semasa majlis tersebut, Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Nicola Rosenblum menyentuh mengenai Hari Anzac bukanlah sebagai peringatan kemenangan

atau kekalahan Australia atau New Zealand semasa peperangan. Sebaliknya, ia jelas PYT, bagi menghormati lelaki dan wanita yang telah membuat pengorbanan peribadi dan kehidupan mereka demi kebebasan yang kita nikmati hari ini.

## Projek 'Buy 1 Donate 1' sumbangan untuk warga OKU



**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 25 April 2018. - Persatuan Bekas-Bekas Peserta Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara dan Jepun (BERSATU) dengan kerjasama Pusat Bahagia Brunei Muara, telah menganjurkan Projek 'Buy 1 Donate 1' di mana orang ramai berpeluang membeli sepasang baju dengan harga dua pasang baju, iaitu satu pasang untuk pembeli dan satu pasang lagi untuk murid dan pelatih Pusat Bahagia Brunei Muara. Hadir mewakili Jabatan

PEMANGKU Penolong Pengarah Bahagian Perkhidmatan Orang Kelainan Upaya (OKU), Dayang Irnawati binti Haji Mahir (kiri) mewakili Jabatan Pembangunan Masyarakat hadir selaku tetamu kehormat majlis.

Berita dan Foto : Ihsan Persatuan Bekas-Bekas Peserta Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara dan Jepun (BERSATU)

Pembangunan Masyarakat, Pemangku Penolong Pengarah Bahagian Perkhidmatan Orang Kelainan Upaya (OKU), Dayang Irnawati binti Haji Mahir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menerima baju-baju projek untuk disumbangkan kepada murid-murid serta pelatih-pelatih Pusat Bahagia.

Timbalan Setiausaha Agong Persatuan BERSATU, Awang Haji Mohamad Iqbal Fakri seterusnya menyampaikan sumbangan derma kepada Pusat Latihan Pekerjaan Orang Kelainan Upaya (PLPOKU), Kelas Bimbingan Kanak-Kanak Kelainan Upaya (KBKKU) dan Pasukan Pengakap Kelana B ahagia 1025 yang berjumlah sebanyak BND560. Duit tersebut adalah hasil jualan baju Projek 'Buy 1 Donate 1'.

Orang ramai yang telah membuat tempahan bolehlah mengambil baju-baju tersebut pada waktu bekerja di Pusat Bahagia Brunei Muara, Kampung Pulaie, Jalan Kebangsaan Lama.

Awang Haji Mohamad Iqbal Fakri seterusnya menyampaikan sumbangan derma kepada Pusat Latihan Pekerjaan Orang Kelainan Upaya (PLPOKU), Kelas Bimbingan Kanak-Kanak Kelainan Upaya (KBKKU) dan Pasukan Pengakap Kelana B ahagia 1025 yang berjumlah sebanyak BND560. Duit tersebut adalah hasil jualan baju Projek 'Buy 1 Donate 1'.

Orang ramai yang telah membuat tempahan bolehlah mengambil baju-baju tersebut pada waktu bekerja di Pusat Bahagia Brunei Muara, Kampung Pulaie, Jalan Kebangsaan Lama.

# Sambutan HKK pada 6 Mei 2018



PEMANGKU Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Awang Haji Amer Hamzah bin Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Zakaria (tengah) selaku Setiausaha Bersama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan HKK 2018 semasa mempengerusikan Sidang Media yang berlangsung di Dewan Citra Budaya, KKBS.

Berita dan Foto :  
Mohamad Azmi Awang Damit

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 25 April. - Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan (HKK) Ke-7 2018 akan diraikan pada 6 Mei 2018 dengan mengkalkan tema 'Keluargaku Penyayang, Negara Gemilang'.

Sambutan HKK tahun ini akan menumpukan terhadap permasalahan penyalahgunaan dadah yang menyumbang pada peningkatan keganasan rumah tangga dan menggugat

keharmonian serta kesejahteraan institusi keluarga.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Awang Haji Amer Hamzah bin Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Zakaria selaku Setiausaha Bersama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan HKK 2018 semasa mempengerusikan Sidang Media yang berlangsung di Dewan

Citra Budaya, KKBS, di sini.

Jelasnya, sambutan tersebut akan didahului dengan Majlis Kesukuran, iaitu Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin, Tahsil dan Doa Khas HKK pada Khamis, 3 Mei 2018 bermula jam 5.45 petang diadakan serentak di semua masjid seluruh negara dengan tumpuan di Masjid Hassanal Bolkiah, Kampung Mentiri, Daerah Brunei dan Muara; Masjid Pengiran Anak Mohamed Alam Kampung Sengkarai, Daerah Tutong; Masjid Mohamad Jamalul Alam, Daerah Belait dan Masjid Utama Mohammad Salleh, Daerah Temburong.

"Acara kemuncak sambutan ialah Acara Perhimpunan Keluarga: Riadah Berbasikal Keluarga Harmoni yang akan berlangsung pada Ahad, 6 Mei 2018 di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien," jelas Awang Haji Amer Hamzah.

Tambahnya, acara akan dimulakan dengan Masjidku Makmur, Negara Berkat di Masjid Sultan Omar 'Ali Saifuddien dengan Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah dan diikuti dengan sesi tazkirah yang akan memfokuskan terhadap Sambutan HKK 2018.

Sambutan kemudiannya akan diteruskan dengan Riadah Berbasikal Keluarga Harmoni, yang menjangkakan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

"Riadah Berbasikal Keluarga Harmoni, menggabungkan aspek gaya hidup sihat, yang diharap akan dapat memupuk perpaduan negara melalui penghayatan budaya bersukan dengan penglibatan setiap ahli keluarga, segenap lapisan masyarakat, yang seterusnya akan mewujudkan warga sihat yang sentiasa mengamalkan kegiatan dan aktiviti sukan secara berterusan," tambahnya.

Riadah berbasikal yang dianjurkan oleh KKBS bersama Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Hal Ehwal U管家, Kementerian Kesihatan dengan kerjasama semua kementerian yang lainnya serta Persekutuan Basikal Brunei Darussalam itu adalah percuma dan terbuka kepada semua lapisan masyarakat di negara ini.

Majlis Anakku Kesayanganku, iaitu penyampaian penghargaan khas kepada anak-anak damit yang dilahirkan bermula jam 12.00 tengah malam hingga 11.59 malam 6 Mei 2018.

Majlis akan diadakan secara serentak pada 7 Mei 2018 di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Hospital Suri Seri Begawan, Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Hospital Pengiran Isteri Hajah Mariam.


Selain itu, beberapa acara sampingan juga akan diadakan dan semua pihak adalah digalakkan untuk memeriahkan Sambutan HKK 2018 pada tahun ini dengan aktiviti yang bersesuaian dan mengongsikan aktiviti berkenaan melalui Instagram @harikeluargakebangsaan atau #hkknbd2018.

Pemangku Setiausaha Tetap KKBS menyeru orang ramai dari semua lapisan masyarakat untuk sama-sama meraikan dan memeriahkan Sambutan HKK 2018 dengan pelbagai aktiviti berbentuk keluarga sepanjang tahun, bagi menghayati mesej dan maksud HKK sebenar, iaitu sebagai landasan bagi mengukuhkan institusi keluargaan.

Sidang media diselanjurkan dengan penyerahan Poster HKK 2018 daripada Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar kepada Pemangku Setiausaha Tetap KKBS, yang kemudiannya menyerahkan kepada wakil-wakil Pegawai Daerah dan kementerian-kementerian.




PEMANGKU Setiausaha Tetap, KKBS, Awang Haji Amer Hamzah menerima poster HKK 2018 daripada Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar (atas). Manakala gambar bawah, antara yang hadir pada majlis tersebut.



SEBANYAK 80 karton rokok berjaya dirampas hasil Operasi Sekatan Jalan Raya di kawasan Masjid Zainab Sungai Liang, Belait.

# Pentingnya ilmu pengetahuan



**Surah Ali 'Imran, ayat 18 :**

**Tafsirnya :**

"Allah menerangkan kepada sekalian makhluknya dengan dalil dan bukti bahawa tiada Tuhan berhak disembah melainkan Dia, yang mentadbir seluruh alam dengan keadilan, demikian juga para malaikat serta orang-orang yang berilmu berikrar dan mengakui juga bahawa tiada Tuhan melainkan Dia yang Maha Perkasa lagi Bijaksana."

Imam As-Syafie Rahimahu'llahu Ta'alaa mengenai perkara menuntut ilmu ini telah berkata dalam wasiatnya :

"Tuntutlah ilmu sebanyak mungkin kerana ia akan menjaga kamu dan membuat kamu cemerlang di dunia dan di akhirat. Ilmu yang sebenar-benarnya adalah ilmu yang mendekatkan diri kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala."

Agama Islam amat menggalakkan dan menganjurkan umatnya supaya menerapkan ilmu agama kepada anak-anak sejak mereka kecil lagi. Ibu bapa bertanggungjawab menjaga amanah Allah Subhanahu Wata'ala ini dengan sebaik-baiknya dengan memberikan anak-anak mereka pendidikan yang sempurna dan seimbang, iaitu duniai dan ukhrawi bagi membentuk jati diri yang mantap dan Muslim yang sejati dan sebenar.

Sesungguhnya tanpa ilmu pengetahuan, hidup manusia akan berada di dalam kegelapan. Tanpa ilmu, kehidupan manusia tidak akan maju dan tanpanya juga manusia tidak dapat membezakan antara kebenaran dengan kebatilan. Dengan ilmu sahajalah seseorang akan terselamat daripada tipu daya syaitan. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Baqarah, ayat 269 :

**Tafsirnya :**

"Dia (Allah) memberikan hikmah kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya dan sesiapa yang diberikan hikmah itu, maka sesungguhnya Dia telah diberikan

**"TUNTUTLAH ilmu sebanyak mungkin kerana ia akan menjaga kamu dan membuat kamu cemerlang di dunia dan di akhirat. Ilmu yang sebenar-benarnya adalah ilmu yang mendekatkan diri kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala."**

kebijakan yang banyak. Dan tiadalah yang dapat mengambil pengajaran melainkan orang-orang yang mempunyai akal yang dapat memikir dan memahaminya."

Sesungguhnya kita diwajibkan menuntut ilmu kerana ganjaran dan kelebihannya adalah sangat besar, antaranya :

**Pertama :** Dipermudahkan jalan menuju ke Syurga. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : Riwayat Al-Imam Al-Bukhari.

**Maksudnya :**

"Daripada Abu Hurairah Radiallahu anhu berkata, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassalam bersabda : Barang siapa yang menempuh satu jalan untuk mencari ilmu pengetahuan, maka Allah akan mempermudahkan baginya suatu jalan untuk ke Syurga."

**Kedua :** Dalam Syarah Hadis Empat Puluh karangan Imam an-Nawawi bahawa barang siapa beramal dengan apa yang diketahuinya, Allah akan mewarisi untuknya ilmu yang tidak diketahuinya.

**Ketiga :** Orang yang berilmu pengetahuan dipandang tinggi oleh masyarakat dan orang yang memiliki ilmu juga sangatlah beruntung kerana ilmu itu adalah jiwa dan harta yang tidak akan hilang dan habis.

Alhamdulillah, kita bersyukur kerana Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sangat mementingkan mengenai hal ehwal pendidikan di negara ini. Kejayaan dan kemajuan negara di masa hadapan sangat bergantung kepada keupayaan pendidikan untuk menghasilkan modal insan yang berkualiti tinggi.

Ke arah itu dan juga sebagaimana strategi pendidikan Wawasan Negara 2035, Kementerian Pendidikan telah mengenal pasti Program Penilaian Pelajar

Antarabangsa (Program for International Student Assessment - PISA) sebagai salah satu program untuk mengukur kompetensi pelajar dalam pengetahuan dan kemahiran berfikir. Dengan penanda aras antarabangsa seperti PISA, InsyaaAllah akan dapat membantu mengenal pasti peluang-peluang dalam mencapai kejayaan pendidikan dan juga sebagai pemasu ke arah usaha pembaharuan dan pembangunan pendidikan. Penyertaan Brunei Darussalam dalam PISA 2018 adalah selaras dengan hasrat Wawasan Negara 2035, iaitu melahirkan warga negara yang berkemahiran dan berpendidikan tinggi dan akan dikenali sebagai sebuah negara yang mempunyai sumber manusia yang berilmu, berkemahiran dan bertamadun tinggi.

Sesungguhnya ilmu pengetahuan itu sangat berharga dan ilmu itu tidak akan diperolehi jika tidak dicari dan dipelajari. Oleh itu, semua orang perlu berusaha mencari dan menuntut ilmu sebanyak mungkin dan terus meningkatkannya dari semasa ke semasa. Akhirnya samap-samalah kita berdoa semoga kita tergolong daripada kalangan orang-orang yang sentiasa ditambahkan ilmu pengetahuan, mempunyai fahaman para nabi, ilmu hafazan para Rasul, mempunyai ilham para malaikat dan memperolehi kefaian daripada Allah Subhanahu Wata'ala dan seterusnya akan mendapat kejayaan di dunia dan di akhirat. Aamiin Yaa Rabbal Alamin.

**Surah Thaha, ayat 114 :**

**Tafsirnya :**

"Maka Maha tinggi Allah yang menguasai lagi benar. Dan janganlah engkau (wahai Nabi Muhammad) tergesa-gesa membaca Al-Quran sebelum selesai diwahyukan kepadamu dan berdoalah : Ya Tuhan Ku! Tambahilah aku ilmu."

**M**ARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Allah Subhanahu Wata'ala mewajibkan hamba-hamba-Nya untuk menuntut ilmu. Ilmu adalah kunci kejayaan untuk mencapai keselamatan, kesejahteraan dan kejayaan hidup di dunia dan di akhirat. Kita adalah digalakkan untuk menuntut ilmu kerana ilmu itu adalah Cahaya dan Hidayah yang menerangi kehidupan manusia dari kegelapan dan kejahilan. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam

**"DARIPADA Abu Hurairah Radiallahuanhu berkata, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassalam bersabda :**

**Barang siapa yang menempuh satu jalan untuk mencari ilmu pengetahuan maka Allah akan mempermudahkan baginya suatu jalan untuk ke Syurga."**

## Anggota PDB terima agihan kurma kurnia

Berita dan Foto :  
Aimi Sani

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 25 April. - Majlis Pengagihan Kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB), berlangsung di Auditorium Bangunan Ibu Pejabat Polis, Jalan Tunku, Gadong, di sini. Pengagihan kurma kurnia peribadi tersebut disempurnakan

oleh Pesuruhjaya Polis, Dato Paduka Seri Awang Haji Mohd. Jammy bin Haji Muhd. Shah Al-Islam.

Turut hadir, Timbalan Pesuruhjaya Polis, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Irwan bin Haji Hambali serta para Pengarah, Timbalan Pengarah, Pegawai Pemerintah Daerah Polis, Ketua-ketua Formasi, Pegawai-pegawai, anggota dan kakitangan awam Pasukan PDB.

Terdahulu majlis dimulakan

dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan diteruskan dengan penyampaian kurma peribadi Kebawah DYMM kepada Timbalan-Timbalan Pengarah, Pegawai-pegawai Kanan serta wakil setiap unit.

**PESURUHKAYA** Polis, Dato Paduka Seri Awang Haji Mohd. Jammy bin Haji Muhd. Shah Al-Islam (kiri) semasa mengagihkan Kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi Pasukan Polis Diraja Brunei.



# Pusat Kesihatan Panaga rai Ulang Tahun Ke-50

Berita dan Foto : Noraizah Muhammed

**SERIA,** Rabu, 25 April. - Pembukaan Pusat Kesihatan Panaga yang dahulunya dikenali sebagai Hospital Panaga telah dirasmikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 16 Mac 1968.

Pusat berkenaan itu dibina bertujuan untuk menyediakan perkhidmatan perubatan bagi pekerja-pekerja Brunei Shell bagi penjagaan di peringkat awal dengan menyediakan klinik asas dan khusus.

Majlis sempena Sambutan Jubli Emas penubuhan Pusat Kesihatan Panaga berlangsung hari ini di pusat berkenaan.

Majlis dihadiri oleh kakitangan Brunei Shell Petroleum Sendirian

Berhad (BSP), ketua-ketua dari Syarikat Usaha Sama Brunei Shell (BSJV) dan pihak berkepentingan lain di Daerah Belait termasuk para pegawai dari Kementerian Kesihatan, Pejabat Daerah Belait, British Garison serta kakitangan BSJV.

Majlis dirasmikan oleh Pengarah Urusan BSP, Dr. Ceri M Powell dan dialu-alukan oleh Ketua Pegawai Perubatan BSP Company Sdn. Bhd., Dr. Ahmad Fakhri bin Haji Junaidi.

Majlis diikuti dengan pemotongan kek oleh tetamu kehormat dan seterusnya menyaksikan pameran.

Pusat berkenaan turut menyediakan Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan Primer, Pergigian Umum dan Kesihatan

Pekerjaan. Di samping itu, menjalankan pelbagai promosi kesihatan, persekitaran, cawangan awam di Belait dengan membantu Perkhidmatan Ambulans Medical Emergency dalam menanggapi kecemasan perubatan ketika diperlukan.

Turut hadir, Pemangku Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Mohd. Zamree bin Haji Junaidi dan CEO Hospital Suri Seri Begawan, Awang Haji Abdul Khalid Asahi bin Haji Azahari.

Untuk maklumat lanjut mengenai perkhidmatan, sila hubungi pusat kesihatan +673 3372524 atau +673 3372506.

**PENGARAH Urusan BSP, Dr. Ceri M Powell yang hadir selaku tetamu kehormat memotong kek sempena Sambutan Jubli Emas Penubuhan Pusat Kesihatan Panaga, Seria.**



## Imbangan perdagangan meningkat 51.3 peratus pada Disember 2017

**Siaran Akhbar dan Infografik :**  
**Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 25 April. - Jumlah perdagangan pada bulan Disember

2017 meningkat kepada BND1,138.5 juta berbanding BND855.5 juta pada bulan

Disember 2016, iaitu peningkatan sebanyak 33.1 peratus tahun ke tahun.

Menurut laporan Perangkaan Perdagangan Barang Antarabangsa (IMTS) bagi bulan Disember 2017, Imbangan Perdagangan juga meningkat kepada BND357.5 juta dari BND236.3 juta pada bulan Disember 2016, iaitu meningkat 51.3 peratus tahun ke tahun.


Eksport meningkat sebanyak 37.0 peratus tahun ke tahun kepada BND748.0 juta daripada BND545.9 juta (Disember 2016). 91.5 peratus daripada jumlah eksport adalah daripada Bahan Api Galian iaitu Minyak Mentah dan Gas Cecair Asli (LNG) yang mana masing-masing meningkat sebanyak 28.0 peratus dan 57.3 peratus. Ini adalah berikutan peningkatan isi padu dan purata harga eksport bagi Minyak Mentah dan LNG.

Import barang juga mencatatkan peningkatan sebanyak 26.1 peratus tahun ke tahun daripada BND309.6 juta (Disember 2016) kepada BND390.5 juta (Disember 2017). Manakala, sumbangan import tertinggi mengikut komoditi adalah Barang-Barang Keluaran Kilang (36.0 peratus), Jentera dan Kelengkapan Pengangkutan (32.3 peratus) dan Makanan (11.4 peratus).


Pasaran eksport terbesar adalah ke negara Jepun iaitu sebanyak 35.7 peratus dari jumlah eksport, diikuti oleh Singapura (17.5 peratus), Thailand (14.7 peratus) dan Republik Korea (13.9 peratus).

Dari segi import mengikut negara asal, sumbangan terbesar adalah dari negara China sebanyak 37.4 peratus diikuti oleh Malaysia (15.7 peratus), Singapura (11.4 peratus) dan Amerika Syarikat (9.3 peratus).

Perangkaan Perdagangan Barang Antarabangsa (International Merchandise Trade Statistics, IMTS) bagi Negara Brunei Darussalam menggunakan General System bagi merekodkan perangkaan perdagangan yang meliputi import, eksport domestik dan eksport semula. Laporan penuh IMTS bagi bulan Disember 2017 boleh didapatkan melalui laman web JPKE di [www.depdp.gov.bn](http://www.depdp.gov.bn).



### Peratus Taburan Eksport Mengikut Negara Destinasi, Disember 2017



## Peserta kursus 'Fire Marshal' terima sijil



**PEMANGKU Pengarah Bomba dan Penyelamat, Kolonel (B) Pengiran Haji Maiddin bin Pengiran Haji Said menyampaikan Sijil Fire Marshal kepada seorang peserta.**

**Siaran Akhbar dan Foto :**  
**Insurans Islam TAIB Sendirian Berhad**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 25 April. - Insurans Islam TAIB Sendirian Berhad (IITH)

dan Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) mengadakan Majlis Penyampaian Sijil Kursus Fire Marshal kepada 17 pegawai kakitangan IITH. Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pemangku Pengarah Bomba dan Penyelamat, Kolonel (B) Pengiran Haji Maiddin bin Pengiran Haji Said; Timbalan Pengarah JBP, Lim Hock Guan; Penolong Pengarah Operasi, Awang Sahrin bin Haji Mohd. Jawie; Penolong Penguasa Bomba, Awang Noorzali bin Apong dan Pegawai Balai, Dayang Rozita binti Haji Mohd. Kamis.

Turut hadir, Pengarah Urusan IITH, Awang Haji Osman bin Haji Md. Jair dan Pengurus Pemasaran dan Pembangunan Perniagaan IITH, Awang Haji Abdul Majid bin Haji Hidup.

Peserta-peserta dianugerahkan Sijil Pengiktirafan sebagai Fire Marshal selepas menjalani kursus selama tiga hari di Ibu Pejabat JBP, Lapangan Terbang Lama, Berakas.

Dengan adanya kursus tersebut, para peserta diharap berkemampuan untuk mengetahui dan memahami cara-cara menangani kebakaran serta bertindak dalam situasi kecemasan, kebakaran dan seterusnya kaedah pengosongan Bangunan IITH.

Sebagai sebahagian daripada program latihan tersebut, IITH juga telah mengadakan latihan kecemasan dan kebakaran (Fire Drill) di Ibu Pejabat IITH di Bangunan Suria, Kiulap yang turut disaksikan oleh pegawai dan anggota Balai Bomba dan Penyelamat.

Latihan tersebut bukan sahaja bertujuan untuk menguji kecekapan para Fire Marshal dalam mengawal pelbagai situasi kecemasan, bahkan juga untuk menilai keberkesanan pelan dan prosedur-prosedur respon kecemasan yang sedia ada.

Lebih 130 pegawai dan kakitangan IITH yang bertugas di Bangunan Suria menyertai latihan pengosongan bangunan tersebut.



## Beri Sokongan Kepada Pasukan Negara HBT 2018

**T**ARIKH 11 Mac 2012 merupakan tarikh bertuah bagi pasukan kebangsaan Tabuan Muda di Trofi Hassanal Bolkiah kejohanan bolasepak bagi belia ASEAN berjaya menjulang trofi berkenaan dengan kemenangan bergaya 2 - 0 mengatasi Indonesia pada perlawanan akhir di Stadium Negara Hassanal Bolkiah.

Pada hari itu, lebih 20,000 penyokong memberi sokongan padu sambal mengenakan jesri kuning sebagai tanda sokongan dan pembangkit semangat bagi pemain-pemain serta jurulatih dan para pegawai di pasukan tersebut.

Kini Piala Hassanal Bolkiah (HBT) Kejohanan Bola Sepak Bagi Belia ASEAN 2018 hadir kembali dengan hanya disertai oleh tujuh pasukan, iaitu Singapura, Thailand, Myanmar, Laos, Kemboja, Timor Leste dan Brunei Darussalam manakala itu, empat pasukan tidak mengambil bahagian yang terdiri daripada Vietnam, Indonesia, Filipina dan Malaysia.

Pada pembukaan rasmi kejohanan baharu lalu sekali gus pembukaan perlawanan Tabuan Muda menentang Timor Leste, nasib tidak menyebelahi Tabuan Muda setelah kecundang 0 - 1 di tangan Timor Leste melalui gol tunggal hasil sepakan penalti.

Orang ramai khasnya penyokong bola sepak pasukan kebangsaan Trofi Hassanal Bolkiah 2018 serta ahli Jawatankuasa Tertinggi HBT 2018 mesti memberikan sokongan padu dan komitmen dalam pengendalian dan perlaksanaan HBT 2018 yang berprestij selaras dengan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Sebagai tarikan kepada semua penyokong pihak jawatankuasa telah menyediakan cabutan bertuah pada setiap perlawanan dengan menyediakan hadiah yang menarik termasuk sebuah kereta tajaan syarikat penjual kereta ternama di negara ini.

Ruang Apa Pendapat Biskita sempat mendapatkan beberapa pandangan orang ramai mengenai 'Beri Sokongan Kepada Pasukan Negara HBT 2018'.

"Selaku penyokong setia kepada Tabuan Muda kita mestilah memberi seluruh sokongan kepada pemain remaja kita dan kita juga haruslah memberikan kepercayaan kepada barisan kebangsaan itu yang diketuai oleh Faiq Jefri Bolkiah."

Semua pihak sepututnya hadir ke stadium negara setiap kali Tabuan Muda beraksi kerana semua perlawanan diadakan di sebelah malam, bawalah semua ahli keluarga untuk memberikan sokongan tetapi jika berhalangan tontonlah di RTB Aneka bersama keluarga atau jiran sebagai tanda kita bersama menyokong Tabuan Muda."

- Adi, Menglait.

"Kita mestilah lebih positif dan memberikan sokongan padu kepada pasukan remaja kita di HBT 2018 agar kejuaraan pasukan Tabuan Muda tahun 2012 dapat berulang kembali kerana sudah beberapa kejohanan yang lepas pencapaian pasukan kita tidak memberangsangkan."

Pasukan Tabuan Muda HBT 2018 perlukan kehadiran kita di Stadium Negara Hassanal Bolkiah setiap kali mereka bermain, berikanlah sokongan agar semangat pemain lebih membara dan boleh menjaringkan gol untuk memenangi setiap perlawanan."

- Paiz, Rimba.

"Setiap sukan dalam negara mahupun luar negara mesti ada pemain dan penyokong untuk memberi semangat kepada pasukan masing-masing. Apa saja jenis sukan yang diadakan seperti lumba basikal, perahu, sepak takraw, bola sepak dan sebagainya, kita selaku rakyat dan penduduk negara ini mestilah memberikan sokongan padu kepada pasukan kebangsaan kita."

Semua rakyat negara ini mengetahui yang ketika ini negara kita sedang menganjurkan Kejohanan HBT 2018. Oleh itu, berilah semangat dan sokongan kepada pasukan negara kita, agar pemain-pemain kebangsaan kita tidak mudah patah semangat.

Kalah menang itu adalah adat dalam permainan, yang penting semangat rakyat brunei tidak takut kalah, bak kata pepatah 'biar sakit hati tapi jangan patah semangat'. ole... ole... ole... ole...

- Laiho, Berakas.

Biskita dialu-alukan menyumbangkan pendapat biskita dengan dua tajuk di bawah, sama ada menggunakan nama sebenar atau nama pena.

Sila e-melkan pendapat biskita ke :

[pelita.brunei@information.gov.bn](mailto:pelita.brunei@information.gov.bn)

i. Sidang Kemuncak ASEAN Ke-32,  
Satu Pencapaian Luar Biasa.

ii. Meriahkan Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan.

## NASIONAL

# Penyertaan BICTA 2018 dibukakan



ANTARA yang hadir pada Sesi Sidang Media Anugerah BICTA 2018.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

Foto : Hamzah Mohidin

Brunei 2035.

"Generasi digital ini diharap dapat melahirkan pekembangan teknologi terkini atau produk-produk yang inovatif dan penyelesaian bagi sebarang kemungkinan yang ada," jelasnya.

Buat julung kalinya, beliau

menerangkan peserta yang terpilih akan mengikuti beberapa siri bengkel dan seminar yang dikenali sebagai BICTA Plus,

fokus kepada para peserta,

bakal menyediakan mereka

pengetahuan dan kemahiran di

dalam mengembangkan lagi

produk yang sedia ada.

Katanya, Pengendali Bengkel BICTA Plus itu nanti akan dipilih dari pelbagai sudut

dan aspek bidang industri bagi

memberikan para peserta

pengetahuan yang holistik

dalam bagaimana cara

untuk mengembangkan idea,

pengesahan dan kesedaran.

"Selain daripada tiga kategori,

iaitu Sekolah, Pengajian Tinggi

dan Industri ICT, pertandingan

pada tahun ini akan menampilkan Anugerah Royal Patron Award," ujarnya.

Ia adalah anugerah bagi produk yang paling terbaik di antara kesemua kategori tersebut dan akan dianugerahkan sendiri oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri pada bulan Ogos nanti.

Seperti tahun-tahun sebelumnya, dua pemenang teratas bagi setiap kategori akan mewakili negara ke Anugerah APICTA 2018 yang akan berlangsung di Guangzhou, China pada hujung tahun.

Penyertaan BICTA 2018 dibukakan mulai hari ini kepada para pelajar sekolah menengah dan institut pengajian tinggi juga mereka yang berminat dalam industri ICT.



### Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.

2. Gambar yang dihantar hendaklah dalam format JPEG dengan ukuran gambar 7" x 5" 300 dpi dan disertakan penerangan ringkas tidak melebihi 100 perkataan.

3. Setiap gambar perlu diberi keterangan mengenai jenis kamera yang digunakan (DSLR/compact/kamera telefon), konfigurasi kamera (ISO, Aperture dan shutter speed)

4. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar melalui :

[pelita.brunei@information.gov.bn](mailto:pelita.brunei@information.gov.bn)

5. Jabatan Penerangan adalah dibenarkan untuk menggunakan gambar yang terpilih dalam mana-mana terbitan jabatan.

6. Gambar terpilih akan memenangi wang sugu hati BND50.00.

Tajuk-tajuk akan datang :

1) 'Peralatan Untuk Melukis' - Tarikh Tutup : 28 April 2018

2) 'Sukarelawan' - Tarikh Tutup : 12 Mei 2018

3) 'Sukan dan Riadah' - Tarikh tutup 28 Mei 2018

Kesemua tajuk-tajuk hendaklah dihantar sebelum jam 12.00 tengah hari pada tarikh-tarikh berkenaan.



# Semai rasa cinta terhadap raja



PEGAWAI Penerangan, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Haji Kerna Jaya semasa menyampaikan Taklimat bertajuk 'Raja Kita, Menghayati Bendera Negara dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' (atas), sementara gambar kanan, antara pelajar Tahun 7 yang hadir pada taklimat tersebut.



Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 26 April. - Jabatan Penerangan melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan meneruskan lagi Program Taklimat Kenegaraan di Sekolah Menengah Katok, di sini.

Ia dihadiri oleh lebih 176 pelajar Tahun 7 berserta Timbalan Pengetua serta Guru-guru Kanan sekolah tersebut.

Taklimat bertajuk 'Raja Kita, Menghayati Bendera Negara dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Haji Kerna Jaya.

Beliau dalam taklimatnya, antara lain menyentuh mengenai raja, tatacara menaik-kibarkan bendera negara dan sejarah lagu kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan' dengan terperinci.

Pada program tersebut, para pelajar turut menyaksikan klip video 'Kibarkanlah Dengan Megah Bendera Negara', 'Semarak Bendera Negara' dan video animasi, 'Tatacara Menaikkan Bendera Negara' serta klip video aplikasi mudah alih 'InfoDeptBN'.

Para pelajar turut berpeluang menyertai kuiz kenegaraan yang dikendalikan oleh Jabatan Penerangan, disusuli dengan penyampaian hadiah kepada para pelajar yang berjaya menjawab kuiz tersebut.

Program berkenaan merupakan salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyemai rasa cinta terhadap raja, agama, bangsa dan negara, di samping mengukuhkan semangat perpaduan, patriotik dan kenegaraan yang tinggi dalam diri pelajar.



**MINDA PEMBACA**

**Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :**

**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :**

1. 'Hargai Hubungan Dengan Keluarga'. Tarikh Tutup : 2 Mei 2018
2. 'Air Kosong Penawar Pelbagai Penyakit'. Tarikh Tutup : 9 Mei 2018
3. 'Piala Hassanal Bolkiah Pupuk Perpaduan Belia ASEAN'. Tarikh Tutup : 16 Mei 2018

**Terma dan Syarat :**

1. Penyertaan dibuka kepada remaja yang berusia lingkungan 15 hingga 25 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah dituliskan dalam jarak langka dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 kata perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

**Sidang Pengarang, Minda Pembaca,**  
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan,  
Lapangan Terbang Lama, Berakas,  
Bandar Seri Begawan, BB3510,  
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel:  
[pelita.brunei@information.gov.bn](mailto:pelita.brunei@information.gov.bn)

**Menangi BND75 Setiap Minggu**

**Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang**

## Tips Pendidikan






Diriwayatkan oleh Imam at-Tirmidzi, dari Abu Hurairah Radiallahu anhu, katanya : Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : "Barang siapa yang menempuh satu jalan untuk mencari ilmu pengetahuan, maka Allah akan mempermudahkan baginya suatu jalan menuju ke syurga."

- Tuliskan berapa banyak subjek dalam peperiksaan yang bakal diduduki dan berapa hari lagi yang ada untuk mengulangkaji.
- Kemaskan tempat belajar dan pastikan meja belajar cukup untuk meletakkan buku-buku teks dan nota-nota.
- Ringkaskan nota ulang kaji ke dalam satu halaman berbentuk diagram atau flowchart bagi memudahkan untuk mengingat kembali semua fakta ketika di dalam dewan peperiksaan.
- Salah satu cara paling efektif ketika menghadapi peperiksaan adalah melatih diri menjawab soalan peperiksaan tahun terdahulu.
- Ambillah masa untuk berehat seketika selepas belajar dalam jangka masa yang lama.
- Pastikan persiapan sehari sebelum peperiksaan dirancang seperti memeriksa semua kelengkapan alat tulis termasuk kad pengenalan pelajar.
- Tekan perasaan membuat kita pening kepala, sakit perut, rasa nak muntah dan sebagainya. Tetapi kalau kita sabar, hadapi tekanan itu dengan rasa yakin bahawa ia akan membuat kita lebih hebat, insyaaAllah kita akan jadi lebih matang dan bijak.



کلاراکو چایع، نکارا کمیاع  
هاري کلاراک بخشاعن 2018

Keluargaku Penyayang, Negara Gemilang  
Hari Keluarga Kebangsaan, 2018

Oleh : Pg. Hajah Fatimah  
Pg. Haji Md. Noor  
Foto : Jabatan Penerangan

**S**AMBUTAN Hari Keluarga Kebangsaan (HKK) akan diraikan pada 6 Mei 2018 Masih bersamaan 20 Syaaban 1439 Hijrah dengan tema 'Keluargaku Penyayang Negara Gemilang'.

Tahun ini merupakan kali ketujuh negara kita menyambut serta meraikan HKK, sebagai salah satu pengiktirafan yang mencerminkan bahawa kita adalah sebuah negara yang amat mementingkan hidup berkeluarga berlandaskan nilai-nilai yang murni, kasih sayang, hormat-menghormati serta nilai-nilai keagamaan yang teguh.

Kita menyedari institusi keluarga memegang peranan paksi dan teras dalam memperkuuh dan memantapkan lagi kesejahteraan dan kebaikan masyarakat, dan seterusnya, akan turut menyumbang ke arah keselamatan, keamanan, kemakmuran dan kemajuan negara.

Keluarga yang dibentuk mengamalkan cara hidup berlandaskan cara hidup Muslim, menghayati agama dan menghidupkan ketakwaan dalam keluarga iaitu mentaati segala perintah Allah Subhanahu Wata'ala dengan mengerjakan suruhan dan meninggalkan segala yang ditegah. Tidak terlalu mementingkan dunia tetapi mereka mengutamakan akhirat. Ini bertepatan dengan perintah Allah supaya memelihara diri dan keluarga daripada api neraka seperti firman Allah Subhanahu Wata'ala yang bermaksud "Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu daripada api neraka."

#### Peranan Raja

Menyedari akan pentingnya peranan institusi keluarga dalam menjamin kesejahteraan dan keharmonian dan menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyaratan Kelapan Majlis Mesyuarat Negara pada 3 Mac 2012, maka Sambutan HKK diteruskan pada tahun ini bagi meneruskan dan memperkuuhkan usaha untuk mewujudkan institusi keluarga yang kukuh, berdaya maju dan berdaya tahan.

Sememangnya raja kitani Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah seorang raja yang amat prihatin terhadap kebaikan rakyatnya, malah baginda juga amat prihatin dengan keharmonian keluarga bagi rakyatnya. Ini bermakna keharmonian dalam hidup berkeluarga itu mampu menjamin keamanan dalam hidup bermasyarakat.

Ketika mengurniakan titah sempena Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran

# Keluargaku Penyayang, Negara Gemilang

Peringkat Negara Tahun 1433H / 2012M pada Ahad (malam Isnin), 17 Ramadan 1433H bersamaan 5 Ogos 2012M bertempat di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, baginda dalam titahnya menyatakan :

"Ke arah menjayakan gagasan ini, semua keluarga di negara ini perlulah memberikan perhatian yang serius terhadap pengajian Al-Quran bagi anak-anak. Tidak ada siapa yang patut berkecuali daripada tanggungjawab ini. Sesungguhnya tidak syak lagi keluarga yang hebat lagi bahagia itu ialah 'Keluarga Al-Quran'."

Sebagaimana Islam menganjurkan untuk mementingkan soal agama dalam pemilihan calon pasangan, maka begitulah juga Islam mementingkan ugama untuk diterapkan di dalam hidup berkeluarga. Melahirkan generasi keluarga Al-Quran sememangnya menjadi hasrat baginda. Ini menunjukkan betapa baginda amat prihatin akan pengamalan hidup beragama di dalam keluarga bagi rakyat baginda. Dengan melahirkan keluarga Al-Quran dan sentiasa mengamalkan ajaran di dalamnya, setentunya sebuah keluarga itu akan terus bahagia kerana setiap ahli keluarga terus dekat antara satu sama lain selain saling bertanggungjawab.

Selain itu, baginda dalam titah tersebut turut menekankan bahawa setiap keluarga mestilah bijak menggunakan masa, termasuk merebut peluang dari hari-hari kelepasan atau cuti-cuti awam umpamanya, untuk mengajar atau membawa anak-anak ke kelas-kelas tambahan Al-Quran atau lain-lain yang bersifat ilmu.

"Kita tidak wajar membiarkan atau menggunakan masa terbuang begitu saja. Kerana masa itu adalah emas, semua orang memerlukannya untuk digunakan pada tempat-tempat yang selayaknya. Cuti awam juga adalah masa yang amat berharga, semua orang sangat berhajat kepadaannya, tetapi adakah semua orang juga tahu memanfaatkannya?" tegas baginda.

#### Pemedulian

Pada tahun 2017, fokus utama HKK ialah meningkatkan kesedaran pentingnya rasa kasih sayang di antara ahli keluarga untuk menjana kebahagiaan dan keharmonian keluarga dan rumah tangga. Sambutan tahun ini fokus dikekalkan kerana inisiatif ini masih lagi relevan untuk ditangani dengan tambahan pencegahan penyalahgunaan dadah sebagai salah satu faktor keganasan rumah tangga.

Daripada kes-kes yang ditangani oleh Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) sejak kebelakangan ini (tahun 2016 sehingga 2017) seperti dalam rajah dilampirkan kebanyakannya kes keganasan rumah tangga berpunca daripada pelaku iaitu sama ada ibu bapa / penjaga atau suami yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah. Jika permasalahan ini tidak dibendung, kuranglah keharmonian sebuah keluarga itu, yang mana adalah dimaklumi keharmonian keluarga wujud daripada perasaan kasih sayang serta rasa saling hormat-menghormati sesama ahli keluarga. Jika keharmonian sudah tidak ada lagi dalam keluarga amatlah sukar keluarga berkenaan untuk menangkis perselisihan faham terutama apabila sebuah keluarga tersebut menghadapi masalah atau musibah.

#### Berganding Bahu

Objektif Sambutan HKK antaranya ialah untuk meningkatkan kualiti

Statistik kes yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah

Jenis kes	Jumlah keseluruhan		Jumlah kes yang mana pelaku adalah terlibat dengan penyalahgunaan dadah		Peratus-kes yang mana pelaku terlibat dengan penyalahgunaan dadah
	2016	2017	2016	2017	
Keganasan rumah tangga	52	26	10	9	19%
Penderasan jerahadap kanak-kanak	35	23	8	6	22%
Jumlah keseluruhan kes	87	49	18	15	31%

Sumber : Jabatan Pembangunan Masyarakat

Statistik Tangkapan Am bagi Penyalahgunaan Dadah

TAHUN	2015	2016	2017
Jumlah tangkapan	639	641	772

Sumber : Biro Kawalan Narkotik

kehidupan berkeluarga dengan mewujudkan persefahaman, kasih sayang, bantu-membantu saling hormat-menghormati; menggalakkan masyarakat khususnya keluarga di Negara Brunei Darussalam untuk membina keluarga bahagia atau harmoni, kukuh dan berdaya tahan; Memupuk kefahaman kepada masyarakat betapa pentingnya institusi keluarga dalam pembangunan masyarakat Negara Brunei Darussalam dan membantu ke arah pencegahan dan pengurangan permasalahan kekeluargaan dan mengukuhkan dan meningkatkan kesejahteraan keluarga melalui program usaha sama yang cekap dan berkesan ke arah melahirkan masyarakat yang berkualiti demi untuk mencapai Wawasan Brunei 2035.

Kerana itu, tema 'Keluargaku Penyayang, Negara Gemilang' dikekalkan dengan fokus meningkatkan kesedaran pentingnya kasih sayang di antara ahli keluarga serta pencegahan penyalahgunaan dadah untuk menjana kebahagiaan dan keharmonian keluarga dan rumah tangga.

#### Kasih Sayang

Mengenai program yang akan mengisikan acara Sambutan HKK 2018 pada tahun ini, Sambutan HKK merupakan satu wadah untuk menyatukan usaha secara

whole of nation bagi menyampaikan mesej mengenai kepentingan keharmonian dan pengukuhan keluarga untuk mengatasi segala cabaran.

Ia juga merupakan satu komitmen berterusan negara dalam menyumbang keamanan, kemakmuran, kestabilan, dan kemajuan negara pada mencapai Wawasan Negara 2035.

Mengimbas kembali Sambutan HKK pada tahun lalu, yang mana Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan berangkat bercemar duli ke Acara Riadah Berbasikal Keluarga Harmoni, yang mana ini menunjukkan sikap keprihatinan mendalam baginda terhadap kepentingan isu keharmonian keluarga dan juga kegiatan warga sihat.

Keberangkatan baginda dan berbasikal bersama kerabat diraja dan penduduk di Negara Brunei Darussalam juga jelas menunjukkan rasa kasih sayang dan juga hubungan rapat baginda dengan rakyat.

Sambutan HKK 2018 seperti tahun yang lalu akan diadakan secara sepudu oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan Kementerian Kesihatan serta penglibatan aktif daripada agensi kerajaan yang lain, pihak swasta, dan persatuan-persatuan badan bukan kerajaan (NGOs) melalui pendekatan whole of nation.

Sehubungan itu, bagi menjayakan sambutan pada tahun ini, semua pihak untuk berganding bahu dan terus bekerjasama dalam memberikan komitmen yang sepudu, terutama sekali dalam menggerakkan acara-acara sambutan, sama ada di peringkat kebangsaan, daerah, mukim atau kampung masing-masing, mahupun di peringkat organisasi, persatuan, masyarakat, ataupun kumpulan keluarga masing-masing dalam mencapai aspirasi negara.



GALAKKAN masyarakat khususnya keluarga di Negara Brunei Darussalam untuk membina keluarga bahagia atau harmoni, kukuh dan berdaya tahan.

# Singapura berpesta gol tumpaskan Laos



ANTARA aksi perlawanan pasukan Singapura menentang pasukan Laos pada Piala Hassanal Bolkiah Kejohanan Bola Sepak Bagi Belia ASEAN 2018 (kiri dan kanan).



BANDAR SERI BEGAWAN,  
Rabu, 25 April. - Misi Pasukan  
Singapura memburu juara Piala

Hassanal Bolkiah Kejohanan Bola Sepak Bagi Belia ASEAN 2018 mengikut rentak yang dirancang, apabila berjaya menundukkan Pasukan Laos dengan jaringan berkesudahan 5 - 1.

Perlawanan pertama dalam Kumpulan 'B' itu, Singapura mula membuat gol permulaan pada minit 18 menerusi sepakan Rusyaidi Salime.

Namun Laos berjaya merapatkan kedudukan apabila gawang Singapura dibolosi oleh pemain jersi 22, Phithack Kongmathilath tiga minit kemudian.

Dengan corak permainan yang begitu strategik dan nampak

tenang, Singapura terus mengasak pertahanan Laos sehingga rembatan Hami Said menambah gol kedua Singapura pada minit ke-40.

Tuah terus menyebelahi skuad muda kota Singa itu apabila anak jurulatih, Ikhsan Fandi Ahmad bermian cemerlang dengan manfaatkan jaringan menggegarkan penjaga gol Laos, Saymanolin Paseuth pada minit 45 sehingga kedudukan 3 - 1 berakhir pada separuh masa pertama.

Babak kedua menyaksikan Singapura terus berpesta gol dengan banyak mendominasi permainan dan Ikhsan sekali lagi

mempamerkan tandukan berbisanya menembusi gawang pihak lawan pada minit 49.

Walaupun Laos cuba untuk bangkit menggegarkan pertahanan Singapura namun Rusyaidi Salime sekali lagi menghadiahkan gol kelima di saat terakhir perlawanan yang setentunya memberikan tiga mata penuh bagi pasukan Singapura.

Dalam Sidang Media sejurus tamat perlawanan, Jurulatih Pasukan Singapura, Fandi Ahmad menyatakan beliau amat gembira atas prestasi yang ditunjukkan oleh anak buahnya yang begitu fokus pada perlawanan malam itu.

"Saya dapat melihat semangat dan tekad mereka pada perlawanan

ini, dan misi kami untuk bertanding berjalan dengan begitu baik," katanya.

Sementara itu, Jurulatih Pasukan Laos, Mehmeh Fatih Kale berkata, kekurangan mereka dalam bentuk fizikal berbanding Pasukan Singapura, dan kerana itu memberikan kelebihan pasukan lawan menggunakan strategi hantaran jauh yang juga menjadi salah satu punca kekalahan mereka.

Perlawanan seterusnya dalam Kumpulan 'B', Pasukan Laos akan menentang Kemboja Sabtu ini di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas manakala Singapura akan bertemu Kemboja Isnin hadapan.

## Enam pemandu dikenakan kompaun langgar Peraturan Lalu Lintas Jalan Raya

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Pengangkutan Darat

**BANDAR SERI BEGAWAN,**  
Jumaat, 27 April. - Ke arah usaha berterusan bagi memastikan keselamatan, kesejahteraan dan keselesaan orang ramai khususnya para pengguna jalan raya adalah terjaga, Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Pengangkutan Darat (JPD) meneruskan operasi bergerak (On The Move Operation) untuk memastikan semua pemandu dan kenderaan di jalan raya tidak melanggar sebarang Akta dan Peraturan Lalu Lintas Jalan Raya.

Pada operasi yang dijalankan pada 25 April 2018, Bahagian Penguatkuasaan JPD mengeluarkan kompaun kepada seorang pemandu warga tempatan iaitu Mohd. Faiq bin Haji Sulaiman (01-057914) dengan kenderaan berdaftar BAG 270 dan dua orang pemandu warga asing, Shii Tung Yang (51-079918)

dengan kenderaan berdaftar BAE 3772 dan Fredrick Reyes Corone (51-127271) dengan kenderaan berdaftar KL 2865 atas kesalahan di bawah Peraturan 8 (1) Peraturan-Peraturan Kenderaan Bermotor (Tali Pinggang Keledar) 1988 kerana tidak memakai tali pinggang keledar semasa memandu.

Sementara dalam satu lagi operasi yang dijalankan pada 26 April 2018, dua orang pemandu tempatan iaitu Norain binti Mohammad (00-286957) dengan kenderaan berdaftar KC 2234 dan Md. Ramzul Aqil bin Ramle (01-049454) dengan kenderaan berdaftar KJ 9544 dikeluarkan kompaun atas kesalahan tidak memakai tali pinggang keledar semasa memandu. Manakala seorang lagi pemandu warga asing Muklis Santoso (51-060277) dengan kenderaan berdaftar

BP 5637 dikenakan kompaun kerana didapati bersalah di bawah Bab 29A Akta Lalu Lintas Jalan Raya Penggal 68, menggunakan telefon bimbit semasa memandu.

Jabatan Pengangkutan Darat dengan ini terus mengingatkan orang ramai terutama pemandu-pemandu kenderaan bermotor agar mengamalkan sikap berhemah dan berdisiplin serta mematuhi Akta dan Peraturan Lalu Lintas semasa berada di jalan raya.

Kegagalan pemandu mematuhi Akta dan Peraturan yang telah ditetapkan khusus bagi kesalahan tidak memakai tali pinggang keledar semasa memandu akan dikenakan kompaun dan Mata Demerit seperti berikut: Kesalahan Pertama - BND150 dan 9 Mata Demerit; Kesalahan Kedua - BND300 dan 9 Mata Demerit; Kesalahan Ketiga - BND500 dan 9 Mata Demerit; Kesalahan Keempat - Pemandu Boleh Dihadapkan ke Mahkamah.

Manakala Kegagalan pemandu mengikuti peraturan yang telah ditetapkan khusus bagi kesalahan menggunakan telefon bimbit semasa memandu akan dikenakan kompaun dan Mata Demerit berikut: Kesalahan Pertama - BND200 dan 12 Mata Demerit; Kesalahan Kedua - BND400 dan 12 Mata Demerit; kesalahan ketiga, pemandu boleh dihadapkan ke mahkamah, dan jika sabit kesalahan hukuman denda BND1,000 dan 6 bulan penjara, atau kedua-duanya dan jika sabit kesalahan berikutnya, denda BND2,000 dan penjara 12 bulan serta dikenakan 12 mata demerit.



ANTARA mereka yang dikenakan kompaun.

## Mini Fair Minggu Aktif Brunei hingga 28 April



MINI Fair Minggu Aktif Brunei sempena Hari Antarabangsa Kegiatan Fizikal hingga 28 April, bertempat di Pusat Promosi Kesihatan (PPK).

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Hj Ahmad  
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 26 April. - Pusat Promosi Kesihatan (PPK), Kementerian Kesihatan mengadakan Mini Fair selama tiga hari sebagai acara kemuncak Minggu Aktif Brunei sempena Hari Antarabangsa Kegiatan Fizikal bermula hari ini hingga 28 April, bertempat di pusat berkenaan.

Mini Fair tersebut dibukukan kepada orang ramai bermula dari jam 10.00 pagi hingga 4.30 petang kecuali Jumaat, 10.00 pagi hingga 11.30 pagi dan kemudian disambung semula 2.00 petang hingga 4.30 petang.

Pelbagai sesi senaman seperti senamrobik, Zumba dan Circuit Training serta beberapa pameran jualan makanan sihat, pakaian sukan dan peralatan gim dipamerkan di Mini Fair berkenaan.

Dalam pada itu juga, PPK dalam turut memaklumkan bahawa Minggu Aktif Brunei akan diadakan bermula 16 hingga 28 April ini, di mana agensi-agensi kerajaan dan swasta disarankan untuk melakukan kegiatan fizikal di tempat kerja secara berkumpulan selama 30 minit seperti senamrobik, bersukan, kempen kebersihan dan lain-lain.

Gambar atau video bagi aktiviti-aktiviti tersebut hendaklah dimuat naik ke media sosial Facebook dan Instagram dengan hashtag #capai30workplace untuk memenangi hadiah bernilai BND600.

# Sukan

## INFO SUKAN

MENYERTAI Kumpulan 'A' pada Piala Hassanal Bolkiah Kejohanan Bola Sepak Bagi Belia ASEAN 2018 (HBT 2018) ialah Myanmar, Thailand, Timor Leste dan Negara Brunei Darussalam selaku tuan rumah.



## Skuad Tabuan Muda tebus kekalahan

Oleh : Aimi Sani  
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman,  
Muhammad Asri Haji Awang Abas

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 27 April. - Kerjasama padu kesemua pemain skuad Tabuan Muda membawakan hasil pada malam ini apabila pasukan negara menang 2-1 menentang pasukan Thailand.

Ketua Jurulatih Tabuan Muda, Mario Riviera Campesino menjelaskan perkara tersebut pada Sidang Media di Bilik Kuliah, Stadium Negara Hassanal Bolkiah selepas perlawanan pasukan Brunei menentang pasukan Thailand.

Menurut beliau, kemenangan menentang pasukan Thailand pada malam ini menebus kekalahan pasukan negara ketika menentang pasukan Timor Leste pada Isnin lepas.

Sementara itu, Pengurus Pasukan Brunei, Zahrin Haji Zunaidi melahirkan rasa gembira dan menyarankan agar pasukan negara untuk terus kekal fokus dan bersedia untuk menghadapi perlawanan seterusnya.

Manakala itu, Ketua Jurulatih Thailand, Ithhsara Sritharo memuji permainan pasukan tuan rumah yang bermain dengan sangat baik dan mencipta beberapa peluang dan akan terus berusaha keras bagi memenangi perlawanan seterusnya.

Perlawanan seterusnya akan menyaksikan pasukan Tabuan Muda berdepan dengan pasukan Myanmar pada 30 April ini di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.



PENGURUS Pasukan Brunei, Zahrin Haji Zunaidi (kiri) dan Ketua Jurulatih Tabuan Muda, Mario Riviera Campesino (kanan) semasa sidang media diadakan di Bilik Kuliah, Stadium Negara Hassanal Bolkiah.

## Myanmar atasi Timor Leste 2 - 0

Oleh : Khartini Hamir  
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Azmah Haji Ahad

**BERAKAS,** Jumaat, 27 April. - Pasukan Myanmar mengukuhkan kedudukannya setelah berjaya mengutip tiga mata penuh mengatasi pasukan Timor Leste dengan jaringan 2 - 0 dalam siri Piala Hassanal Bolkiah Kejohanan Bola Sepak Bagi Belia ASEAN 2018 (HBT 2018) yang berlangsung di Balapan dan Padang, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, di sini.

Perlawanan didominasi oleh pasukan Myanmar yang kemas dengan licik mengatur strategi, di mana menerusi minit ke-27, Myanmar melalui pemainnya jersi 10, Win Naing Tun berjaya

membolosi gol pertama setelah menerima lontaran ke dalam daripada rakan sepasukan.

Setelah gagal menaigi pada separuh masa pertama, pasukan Timor Leste mula bangkit mengatur strateginya dengan membuat beberapa pertukaran pemain bagi mengukuhkan lagi jentera serangan, namun beberapa percubaan gol masih gagal membolosi gawang kerana sering saja dipintas oleh benteng pertahanan pasukan Myanmar, selain penjaga gawangnya bermain cemerlang.

Dalam pada itu, pada separuh masa kedua pasukan Myanmar

masih terus mara mengasak benteng pertahanan pasukan Timor Leste sehingga pada minit akhir ke-90 dalam masa tambahan dua minit, pasukan tersebut sekali lagi berjaya menjaringkan gol sejurus sebelum wisel penamat dibunyikan menerusi serangan balas yang dilakukan oleh pemain jersi 11, Hein Htet Aung.

Dengan kemenangan itu, pasukan Myanmar kini menduduki tangga teratas bagi Kumpulan 'A' dan perlawanan mereka seterusnya akan bertemu pasukan tuan rumah pada Isnin nanti, di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, sementara pasukan Timor Leste akan bertemu pasukan Thailand, Ahad, 29 April di Balapan dan Padang, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah.

Dalam sidang media bersama Pengurus pasukan Timor Leste, Eduardo Pereira menjelaskan, pasukan lawan mereka bersaing dengan kuat dan gigih untuk memenangi perlawanan sebagaimana yang dimaklumi bahawa pasukan Myanmar pernah menujuai kejohanan HBT empat tahun lalu, namun melalui semangat berpasukan beliau tidak akan pernah goyah dan mereka akan terus berusaha untuk mengorak strategi perlawanan bagi memperoleh kemenangan pada permainan seterusnya menentang pasukan Thailand.

Manakala itu, Pengurus pasukan Myanmar, Kyi Lwin berasa lega dan gembira dengan pencapaian pasukannya sehingga berjaya memperoleh kemenangan, namun



beliau kagum dengan permainan pasukan Timor Leste yang licik mengatur serangan dan sangat mencabar pertahanan pasukannya.

Dalam pada itu, beliau mengharapkan pasukannya akan beroleh kemenangan lagi pada perlawanan seterusnya dan akan berusaha untuk memperbaiki lagi strategi-strategi permainan mereka nanti.

## Tahukah Awda

**UNIT** Penguatkuasaan, Kementerian Kesihatan mencatit sejumlah 108 kes kesalahan Perintah Tembakau 2005 dengan mengeluarkan sejumlah 77 kompaun dan 31 rujukan mandatori ke Klinik Berhenti Merokok bagi kesalahan-kesalahan di bawah Perintah tersebut sepanjang bulan Januari dan Februari 2018 ke atas individu-individu dan syarikat yang gagal mematuhi Perintah berkenaan.

**SUMBER :** Siaran Akbar Kementerian Kesihatan, Sabtu, 24 Mac 2018.



PASUKAN Myanmar semasa berjaya membolosi gol di gawang pasukan Timor Leste pada perlawanan tersebut.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : [www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn)

**ILMU CAHAYA, HIDAYAH MENERANGI KEHIDUPAN MANUSIA**

دربیتکن اوله جباتن فراغن، جباتن فردان منtri دان ڈجیتک اوله جباتن فرچیتھن کراجاڻ، نڪارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.